
OBJEKTIF

- Meningkatkan minat pelajar terhadap subjek Matematik.
- Meningkatkan motivasi pembelajaran matematik di dalam kelas.
- Memudahkan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

PENYELESAIAN

- Aplikasi ini mudah dicapai dengan menggunakan telefon bimbit.
- Penggunaan aplikasi I-MATH adalah interaktif dan menarik.
- Meningkat minat pelajar kepada subjek matematik.
- Membantu pelajar memahami konsep asas matematik.



KELEBIHAN

01 Meningkatkan Kefahaman Pelajar

02 Menyokong Pembelajaran Kendiri

03 Interaktif dan Praktikal

04 Penggunaan Teknologi Terkini

IMPAK

- Menambah minat pelajar terhadap subjek matematik.
- Memudahkan pelajar untuk membuat rujukan pada masa hadapan.
- Aplikasi yang mudah untuk digunakan secara mobiliti.
- meningkatkan minat dan motivasi dalam pembelajaran matematik.
- Membina keyakinan dalam menyelesaikan masalah matematik secara kendiri.

Antaramuka i-MATH

KESIMPULAN

Aplikasi I-MATH merupakan satu inovasi digital yang berperanan penting dalam menyokong pembelajaran matematik. Pembangunan aplikasi ini berasaskan pendekatan interaktif, mesra pengguna dan penggunaan teknologi terkini bagi membantu pelajar menguasai asas matematik dengan lebih mudah, menarik dan berkesan.

RUJUKAN

1. Adamma, O. N., Ekwutosim, O. P., & Unamba, E. C. (2018). Influence of Extrinsic and Intrinsic Motivation on Pupils Academic Performance in Mathematics. SJME (Supremum Journal of Mathematics Education), 2(2), 52–59. https://doi.org/10.35706/sjme.v2i2.1322
2. Mazana, M. Y., Montero, C. S., & Casmir, R. O. (2019). Investigating Students' Attitude towards Learning Mathematics. International Electronic Journal of Mathematics Education, 14(1), 207–231. https://doi.org/10.29333/iejme/3997

SMART COMMAND LINE INTERFACE TOOL FOR CISCO PACKET TRACER (sCLIt)

Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman,
Siti Salmah binti Mohd Pilus
Politeknik METrO Tasek Gelugor

>>> INTRODUCTION

Students under Diploma in Information Technology in Semester 2 Polytechnics which taking the core computing course of DFC20293 Network and Data Communication often face significant challenges when understanding and using the Cisco Command-Line Interface in Cisco Packet Tracer. Common problems include difficulty remembering correct commands, identifying syntax errors, and troubleshooting configuration issues efficiently. In traditional teaching setups, such errors are often corrected by instructors during lab sessions, but this approach becomes inefficient in large classrooms or remote learning environments, where immediate, personalised feedback is limited.

While Cisco Packet Tracer is a powerful simulation tool, it does not inherently provide real-time guidance or syntax correction for novice learners.

>>> PROBLEM STATEMENT

- Networking students struggle to master Cisco CLI in Packet Tracer.
- Difficulties include:
  i. Remembering correct commands
  ii. Identifying syntax errors
  iii. Troubleshooting effectively
- Large classes & remote learning limit immediate instructor feedback.
- Cisco Packet Tracer shows only generic errors (e.g. “Invalid input detected at ‘^’ marker”) without solutions.

>>> OBJECTIVES

Students who enter incorrect commands often receive only generic error messages (“Invalid input detected at '^' marker”), without context or solutions. This will result in various problem such as wasted lab time trying to guess correct commands, increased dependence on instructors, reduced confidence in self-learning and also facing difficulty in troubleshooting without guidance.To address this, the sCLIt (Smart CLI Tool) was developed as an educational innovation to work alongside Cisco Packet Tracer. It acts as an smart command helper, validator, and troubleshooting aid which effectively functioning as a virtual tutor.

>>> METHODOLOGY

- Design
  - Quantitative descriptive study
  - Prototype-driven, iterative development (test–feedback–refine)
- Participants
  - 30 Diploma students (Cohort 2, 2024/2025)
  - Course: DFC20293 – Network & Data Communication
- Procedure
  - 4 weeks of implementation
  - Orientation → Lab practice with sCLIt → Feedback collection
- Features of sCLIt
  1. Real-time command validation
  2. Syntax correction suggestions
  3. Environment awareness (Exec/Config modes)
  4. Learning mode with hints
  5. Works online & offline
- Data Collection
  - Questionnaire (usefulness, ease, confidence)
  - Final exam results
  - Open-ended student feedback
- Data Analysis
  - Descriptive analysis (SPSS)
  - Comparison of exam scores between groups

>>> SOLUTION

Main Interface

User Exec Mode (>)

Privileged Exec Mode (#)

Global Configuration Mode (Config)#

Check Command



1. Real-time command validation which it will check the command accuracy instantly.
2. Syntax correction suggestions where it will recommend the proper format when an error is detected.
3. Environment awareness which it will advise if command should be used in user exec mode, privileged exec mode, or global configuration mode.
4. Learning mode where it offers hints and explanations for beginner users.
5. Offline and online use where it can function during in-class labs or remote learning.

>>> RESULTS AND DISCUSSION

This innovation and studies aimed to help and guide students to use Smart CLI Tool (sCLIt) as an education engagement tool in the core subject of networking by comparing student's examination performance for 1 cohort (Session 2: 2024/2025) in 2 classes which is DIT2A which not using this tool and DIT2B which use the sCLIt tool. The studies show that this tool is relevant and effective to be used along with Cisco Packet Tracer as an aid for this course specifically.

Table 1. Class Statistics Based on examination result

Label	Class	n	Mean	Std. Deviation
Class A	DIT2A	30	48.97	14.26
Class B	DIT2B	32	53.66	17.78

>>> RECOMMENDATION AND CONCLUSION

The Smart CLI Tool (sCLIt) has proven to improve students' learning in Cisco Packet Tracer by increasing confidence, command understanding, and troubleshooting skills. Overall satisfaction was high, showing it is an effective supplementary tool.

However, exam results revealed that weaker learners still need extra support. sCLIt is best seen as a complementary aid, not a full replacement for instructors.

Recommendations

1. Stronger Guidance – Add tutorials, step-by-step examples.
2. More Resources – Provide a command library, quizzes, sandbox practice.
3. Better Feedback – Real-time hints, progress tracking, interactive tips.
4. Support for Weaker Students – Adaptive features for those struggling.
5. Future Development – Wider testing, online learning integration, long-term evaluation.

Conclusion

sCLIt is a promising innovation that makes networking labs more effective, boosts independent learning, and builds student confidence—while still benefiting from instructor integration.

>>> REFERENCES

Juraev Farrukh Dustmirzayevich, O. M. (2023). The Role of Cisco Packet Tracer Software in Studying Computer Systems and Networks. PEDAGOGS International Research Journal, 17-27.

Nazre bin Abdul Rashid, M. Z. (2019, 09 25). Cisco Packet Tracer Simulation as Effective Pedagogy inComputer Networking Course. Retrieved from https://online-journals.org/index.php/i-jim/article/view/11283

Noor Maizura Mohamad Noor, N. Y. (2018). Effectiveness of using Cisco Packet Tracer as learning tools for Network Fundamentals course during the Covid-19 pandemic. Liga Ilmu Serantau 2021, 15-23.

Sulaiman, M. K. (2020). Teaching Creativity Using a Realistic Multi-User Operation: Packet Tracer. Retrieved from https://arxiv.org/abs/2101.02009?

Zarina Zainol, S. A. (2024). Leveraging Packet Tracer as a Common Assessment Tool in a Virtual Learning Environment: A Case Study. Retrieved from https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/95109/

REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PORTAL E-ADUAN BERASASKAN ANTARA MUKA MESRA PENGGUNA DI KOLEJ KOMUNITI BESUT

Hasnuzi Hasim, Nurfaezah Mamat, Nik Mohd Kamil Nik Hanafi@Ibrahim,
Syilawati Zakarna & Muhammad Aiman Zulkafle
Kolej Komuniti Besut

PENGENALAN

Dalam era pendigitalan masa kini, sistem pengurusan aduan yang berkesan amat penting dalam sesebuah institusi pendidikan bagi memastikan setiap permasalahan dapat ditangani secara telus dan cepat. Namun begitu, proses pengurusan aduan secara manual seringkali menimbulkan cabaran seperti kehilangan rekod, kelewatan tindakan, dan kurangnya ketelusan (Ahmad & Ismail, 2021).

Sehubungan itu, inovasi Reka Bentuk dan Pembangunan Portal E-Aduan Berasaskan Antara Muka Mesra Pengguna di Kolej Komuniti Besut dibangunkan sebagai satu platform digital berpusat yang membolehkan warga kolej mengemukakan aduan dengan lebih mudah, cepat, dan sistematik. Portal ini bukan sahaja memudahkan pengguna menghantar aduan pada bila-bila masa melalui komputer atau telefon pintar, malah ia turut menyediakan sistem rekod automatik yang lebih teratur.

PENYATAAN MASALAH

Pengurusan aduan yang berkesan merupakan aspek penting dalam meningkatkan kepuasan pelanggan dan memastikan kelancaran operasi sesebuah organisasi. Berikut adalah senarai masalah yang ditemui seperti yang disenaraikan pada Rajah 1.



Rajah 1: Penyataan Masalah Pembangunan Inovasi

OBJEKTIF

- Menyediakan platform aduan berpusat yang mudah diakses
- Mempercepatkan tindakan balas terhadap aduan
- Merekod aduan secara sistematik dan teratur.
- Membolehkan pemantauan status aduan secara real time.
- Menyokong agenda transformasi digital kampus.

TINJAUAN LITERATUR

Pembangunan sistem aduan digital semakin meluas di institusi pendidikan kerana ia mampu meningkatkan kecekapan komunikasi serta mempercepatkan proses penyelesaian aduan. Kajian oleh Alwi, Abidin, dan Rahman (2022) menunjukkan bahawa sistem e-Aduan dengan elemen gamifikasi dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan mempercepatkan maklum balas pentadbir.

Selain itu, UPM telah membangunkan Sistem e-Aduan Kerosakan yang berjaya mengurangkan birokrasi melalui rekod digital yang lebih mudah diakses. Kajian oleh Zulkefli dan Rahman (2023) pula menegaskan bahawa penerimaan pengguna terhadap portal e-aduan bergantung kepada kualiti sistem, tahap mesra pengguna, antara muka yang jelas serta keberkesanan maklum balas pentadbir.

Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan portal aduan digital dalam institusi pendidikan dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi serta mempercepatkan penyelesaian isu berbanding kaedah manual (Rahman, Aziz, & Salleh, 2020). Sistem ini juga menyokong rekod automatik dan pangkalan data bersepadu, sekali gus memudahkan carian serta rujukan aduan (Ahmad & Ismail, 2021).

PENYELESAIAN

Hasil daripada penemuan permasalahan dalam proses aduan manual serta kajian lepas, pihak kami telah membangunkan Portal e-Aduan Berpusat di Kolej Komuniti Besut. Portal ini membolehkan pelajar dan staf mengemukakan aduan pada bila-bila masa melalui komputer atau telefon pintar, sekali gus mengatasi kekangan lokasi dan masa (Rahman, Aziz, & Salleh, 2020).

Portal ini turut dilengkapi dengan sistem rekod automatik dan pangkalan data bersepadu yang memudahkan carian, penapisan dan rujukan semula aduan (Ahmad & Ismail, 2021). Selain itu, fungsi penjejakan status aduan secara masa nyata memberi keyakinan kepada pengguna bahawa aduan sedang diambil tindakan (Tan & Lim, 2019).

Di samping itu, portal ini menyediakan notifikasi segera dalam bentuk e-mel atau mesej automatik kepada pihak berkaitan, membolehkan tindakan pantas diambil terhadap sebarang isu yang dilaporkan (Lee, 2022).



Rajah 2: Cadangan Penyelesaian Permasalahan

METADOLOGI

Framework yang digunakan untuk menghasilkan inovasi **Pembangunan Portal E-Aduan Kolej Komuniti Besut** - *ADDIE Model (Rosset, 1987)* seperti yang ditunjukkan di Rajah 3.

Rajah 3: Pembinaan *Framework* berdasarkan *ADDIE Model (Rosset, 1987)*

DAPATAN & ANALISIS

Rajah 4 di bawah menunjukkan dapatan dan analisis tinjauan kepuasan pengguna Portal E-Aduan Kolej Komuniti Besut yang melibatkan 30 orang responden terdiri daripada 20 orang pelajar dan10 orang staf

Rajah 4: Analisis Tinjauan Kepuasan Pengguna Portal E-Aduan Kolej Komuniti Besut

Dapatan Tinjauan

- Kemudahan Akses
  - 85% responden menyatakan portal mudah diakses menggunakan telefon pintar dan komputer.
  - 15% mencadangkan peningkatan kestabilan capaian pada waktu sibuk.
- Antara Muka *(User Interface)*
  - 90% berpuas hati dengan reka bentuk mesra pengguna dan susun atur jelas.
  - 10% mencadangkan penggunaan lebih banyak ikon visual untuk navigasi cepat.
- Fungsi Aduan
  - 80% mendapati proses mengisi dan menghantar aduan mudah.
  - 20% merasakan borang aduan boleh dipendekkan atau dipermudah.
- Maklum Balas Aduan
  - 70% berpuas hati dengan kecepatan maklum balas awal.
  - 30% mencadangkan notifikasi automatik (email/telegram) apabila status aduan berubah.
- *Chatbox* & Notifikasi
  - 75% menilai fungsi chatbox membantu mendapatkan maklumat segera.
  - 25% mencadangkan penambahan bot pintar atau pegawai khusus untuk balasan lebih pantas.

Analisis Ringkas

- Kekuatan: Portal mudah diakses, antara muka mesra pengguna, dan chatbox dianggap ciri menarik.
- Kelemahan: Masa maklum balas perlu dipercepatkan, serta borang aduan boleh dipermudah.
- Cadangan: Integrasi notifikasi automatik & penggunaan chatbot pintar untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi.

IMPAK

- Meningkatkan kecekapan pengurusan aduan
- Memudahkan akses pengguna
- Meningkatkan ketelusan & Akauntabiliti
- Mengurangkan Penggunaan Kertas
- Pengkalan aduan yang teratur
- Memupuk budaya komunikasi terbuka
- Boleh dikembangkan ke aplikasi telefon

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, pembangunan Portal E-Aduan Berasaskan Antara Muka Mesra Pengguna di Kolej Komuniti Besut merupakan satu langkah inovatif bagi memperkasakan sistem pengurusan aduan di institusi pendidikan. Portal ini mampu mengatasi kelemahan kaedah manual melalui penyediaan platform digital yang mudah diakses, sistem rekod automatik, fungsi penjejakan aduan secara masa nyata, serta notifikasi segera kepada pihak bertanggungjawab.

Dengan adanya ciri-ciri ini, portal e-Aduan dijangka dapat meningkatkan tahap ketelusan, kecekapan, dan kepuasan pengguna, di samping menyokong aspirasi pendigitalan pendidikan serta amalan tadbir urus yang lebih telus. Secara keseluruhannya, inovasi ini berpotensi menjadi model rujukan yang boleh diaplikasikan di institusi lain bagi memperkukuh keberkesanan pengurusan aduan.

RUJUKAN

Ahmad, N., & Ismail, R. (2021). Keberkesanan sistem aduan digital dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. *Jurnal Teknologi Maklumat Malaysia*, 36(2), 45–56.

Alwi, S., Abidin, N., & Rahman, M. (2022). Gamification elements in E-Complaint System: A case study at UiTM Perlis. *Journal of Educational Technology,* 8(1), 15–27.

Lee, C. Y. (2022). User-friendly complaint management system in higher education institutions: Enhancing transparency and responsiveness. *Asian Journal of Educational Technology*, 14(1), 21–34

Rahman, A. R., Aziz, N. A., & Salleh, M. (2020). Penggunaan portal aduan berasaskan web dalam institusi pendidikan tinggi: Satu kajian kes. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 77–86.

Tan, J., & Lim, S. (2019). Real-time complaint tracking and automated notification system for public services. *Journal of Information Systems Research*, 11(2), 112–123.

Zulkefli, H., & Rahman, K. (2023). User acceptance of e-Complaint portals: The role of usability and responsiveness. Malaysian *Journal of Information Systems*, 12(2), 88–101.

DIGES TEESRec PTSN

PENULISAN KREATIF

Menghidupkan Idea,
Menggerakkan Imaginasi.

TERUSKAN MEMBACA



PSIKOLOGI PENDIDIKAN

HAZWANI BINTI BACHOK
hazwani@ptsn.edu.my

DEFINISI

Definisi Psikologi Pendidikan merujuk kepada cabang ilmu yang mengkaji tingkah laku manusia dalam konteks pembelajaran dan pengajaran, serta menerapkan prinsip-prinsip psikologi untuk meningkatkan keberkesanan proses pendidikan.

Psikologi pendidikan ialah bidang psikologi gunaan yang berfokus pada aspek praktikal. Bidang ini membina serta mengembangkan teori dan prinsip yang menjadi asas untuk memahami tingkah laku, emosi, dan pemikiran dalam konteks pembelajaran.

Psikologi pendidikan memberikan panduan berguna kepada pendidik dan calon guru bagi meningkatkan kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai situasi.

1 Proses pembelajaran

Psikologi pendidikan mempengaruhi proses pembelajaran individu dari segi proses memerhati, mengolah, menginterpretasi dan mengingat informasi yang telah diterima.

2 Pengajaran & pembelajaran

Psikologi pendidikan adalah proses yang meilbatkan pendidik, pelajar dan persekitaran. Pengajaran & pembelajaran yang efektif melibatkan beberapa prinsip. Antaranya ialah penglibatan pelajar yang aktif didalam kelas, pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah dan penggunaan teknologi dalam meningkatkan kualiti pembelajaran.

TUJUAN



Memahami perbezaan individu murid

Setiap pelajar mempunyai karakter, tingkah laku, pemikiran, dan emosi yang berbeza. Pemahaman mendalam tentang perbezaan ini membolehkan pendidik menyesuaikan pendekatan pembelajaran dengan lebih berkesan, serta mengambil kira aspek pertumbuhan dan perkembangan setiap individu.

Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif

Suasana pembelajaran yang selesa dan teratur amat mempengaruhi keberkesanan proses pembelajaran.Pengetahuan psikologi pendidikan membantu para pendidik mengatur persekitaran fizikal dan emosi yang sesuai, seterusnya memudahkan proses penyampaian ilmu.

Memilih strategi dan kaedah pembelajaran yang sesuai

Psikologi pendidikan membantu pendidik memilih kaedah pengajaran yang selari dengan tahap perkembangan, gaya belajar, dan keunikan setiap pelajar. Pendekatan yang sesuai dapat meningkatkan motivasi dan pemahaman murid.

Memberikan bimbingan kepada pelajar

Pendidik bukan hanya berperanan sebagai pengajar, tetapi juga sebagai pembimbing yang membantu pelajar menghadapi masalah akademik mahupun masalah peribadi. Bimbingan yang efektif dapat membantu pelajar mencari penyelesaian serta berkembang secara holistik.

Menilai hasil pembelajaran

Penilaian berterusan penting untuk mengukur tahap pemahaman, kemahiran dan perkembangan pelajar. Selain itu psikologi pendidikan menyediakan kaedah dan prinsip penilaian yang tepat, yang dapat digunakan untuk memperbaiki proses pembelajaran.

MANFAAT

Memahami murid dengan lebih baik

Para pendidik boleh memahami sebab-sebab di sebalik tingkah laku pelajar. Hal ini dapat memudahkan pengurusan didalam kelas dan dapat membantu murid memahami diri sendiri.

Merancang pengajaran yang lebih berkesan

Para pendidik boleh menetapkan matlamat pembelajaran yang sesuai dengan tahap dan keperluan pelajar. Dengan memahami perkembangan manusia, strategi pengajaran dapat dirancang dengan lebih menarik dan relevan.

Menyelesaikan masalah pendidikan

Para pendidik boleh menyelidik isu-isu yang timbul yang melibatkan disiplin para pelajar. Hal ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kualiti pengajaran.

Pendekatan untuk murid berkeperluan khas

Para pendidik menjadi lebih prihatin dan sabar dalam membimbing murid yang lambat dari segi pelajaran. Hal ini sedikit sebanyak memberi input kepada pendidik berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kecerdasan para pelajar. Kaedah ini mendorong para pendidik menggunakan pendekatan yang lebih inklusif.

Membentuk sahsiah dan nilai murni

Para pendidik bukan hanya mengajar ilmu akademik, tetapi juga membentuk pelajar dari segi tutur kata, tingkah laku, sikap bertanggungjawab, serta seimbang dari segi emosi dan sosial.

BESI: INTEGRASI ALAM, TEKNOLOGI, DAN WAHYU

HALIMATUL SA'DIAH BINTI TALIB
halimatul1@ptsn.edu.my

Bijih besi - hematit

Struktur binaan berasaskan besi

Besi atau ferum ialah logam peralihan dengan simbol 'Fe'. Besi tulen berwarna kelabu berkilat. Logam ini lebih stabil dalam bentuk oksidanya dalam persekitaran bumi.



Sifat ini menyebabkan besi cepat mengalami proses pengaratan apabila bertindakbalas dengan oksigen dan air. Besi bersifat feromagnetik, iaitu boleh dimagnetkan dan menghasilkan medan magnet yang kuat. Dari aspek mekanikal, besi mempunyai kekuatan tegangan dan sifat keplastikan yang baik membolehkan besi ditempa dan dilentur semasa proses pembuatan.

Peranan Besi dan Alam

Logam besi adalah antara logam yang boleh diperolehi dalam perut bumi. Teras bumi yang kaya dengan kandungan besi dan nikel cair boleh menghasilkan fenomena yang dikenali sebagai geodinamo, iaitu proses yang membentuk medan magnet bumi. Medan magnet ini melindungi bumi daripada sinaran berbahaya matahari dan menjadikan keadaan planet bumi lebih stabil. Bumi akan kehilangan perisai semula jadi yang penting untuk keseimbangan ekosistem sekiranya tiada unsur besi dalam terasnya.

Medan magnet bumi bertindak menahan kesan angin suria matahari, iaitu aliran zarah berkelajuan tinggi

Peranan Besi Dalam Tubuh Manusia



Zat besi penting dalam pembentukan hemoglobin darah

Zat besi ialah mineral penting dalam tubuh manusia. Sumber zat besi boleh diperolehi daripada makanan seperti daging merah, hati ayam, sayuran berdaun hijau, kekacang, dan bijirin. Zat besi berperanan dalam pembentukan hemoglobin darah. Hemoglobin berperanan membawa oksigen ke seluruh badan. Kekurangan zat besi dalam tubuh menyebabkan penyakit anemia dengan gejala seperti keletihan, pucat, pening, dan kemerosotan daya tumpuan. Kanak-kanak, remaja serta ibu mengandung turut berisiko jika kekurangan zat besi kerana fasa pertumbuhan pesat memerlukan lebih zat besi bagi membantu perkembangan otak dan tubuh. Oleh itu, pengambilan zat besi yang mencukupi penting untuk kesihatan dan prestasi menyeluruh tubuh manusia.

Sumber makanan yang mengandungi zat besi

KEAJAIBAN BESI: INTEGRASI ALAM, TEKNOLOGI, DAN WAHYU

Kaedah konvensional penghasilan produk besi

Besi dan Peradaban

Sejak zaman purba, besi telah memainkan peranan penting dalam membentuk tamadun manusia. Peralihan daripada Zaman Gangsa ke Zaman Besi membawa kepada kemajuan teknologi dengan penghasilan senjata dan alat pertanian yang lebih kuat serta tahan lama. Hal ini membolehkan manusia memperluaskan pertanian, mempertahankan wilayah, dan membina penempatan yang lebih tersusun. Apabila besi diproses menjadi keluli, peranannya menjadi semakin besar. Dalam revolusi perindustrian, keluli menjadi asas kepada pembangunan mesin, rel kereta api, jambatan, kapal wap, dan bangunan besar yang mengubah landskap ekonomi serta sosial dunia.

Menara Berkembar Petronas: Bukti kehebatan dan kepentingan besi dalam pembinaan moden

Hari ini, besi dan keluli kekal sebagai nadi pembangunan moden. Struktur ikonik seperti Menara Eiffel di Perancis, Jambatan London di United Kingdom, dan Menara Berkembar Petronas di Malaysia membuktikan kehebatan teknologi berasaskan logam ini. Tambahan pula, menurut World Steel Association (2023), keluli merupakan bahan paling banyak dikitar semula di dunia, menjadikannya bukan sahaja simbol kemajuan tetapi juga kunci kepada pembangunan mampan.

Perspektif Islam tentang Besi

Al-Quran juga menyebut tentang kepentingan besi dalam kehidupan. Dalam Surah Al-Hadid ayat 25, besi digambarkan sebagai logam yang sangat kuat dan banyak manfaatnya. Tafsiran moden menjelaskan bahawa hal ini selari dengan penemuan sains iaitu ferum di bumi dipercayai berasal daripada meteor yang "turun" dari angkasa (Akhavanmoghadam, 2023). Ini menunjukkan adanya kaitan antara ilmu wahyu dan pengetahuan sains.

Illustrasi meteor yang turun ke bumi membawa bersama unsur besi

Selain itu, dalam Surah Al-Kahfi (ayat 94–96), kisah Zulkarnain menceritakan penggunaan besi untuk membina tembok bagi menahan Yakjuj dan Makjuj. Peristiwa ini menunjukkan bahawa besi telah lama digunakan sebagai bahan binaan yang penting untuk melindungi masyarakat dan membangunkan sistem kehidupan yang lebih teratur.

Hari ini, besi masih menjadi asas pembangunan moden. Besi digunakan dalam pembinaan jambatan, bangunan tinggi, kenderaan, serta pelbagai teknologi industri. Kisah wahyu dan sejarah tentang besi membuktikan bahawa logam ini kekal penting dari zaman dahulu hingga kini sebagai tunjang pembangunan dunia manusia.

Rujukan

Akhavanmoghadam, M. (2023). *The miraculous nature of iron in the Quran: A scientific and theological perspective*. Journal of Islamic Studies and Science, 12(3), 45–60.

Al-Quran. Surah Al-Hadid, 57:25.

Al-Quran. Surah Al-Kahfi, 18:83–98.

NASA Science Editorial Team. (2018, January 18). *Discovery Alert! Iron-massive super-Earth*. NASA Science. https://science.nasa.gov/universe/exoplanets/discovery-alert-iron-massive-super-earth/

World Steel Association. (2023). *Steel facts*. World Steel Association.

Tenaga hijau

Anda adalah titik mula perubahan

Ditulis oleh Nuryasmin Md Asri, Khamisah Mohamed
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Gambar 1. Penumpu Solar yang boleh memanaskan air untuk menghasilkan elektrik(2).

Dengan perjuangan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar di seluruh dunia, penyelesaian tenaga hijau semakin penting. Radiasi matahari, yang ditukar kepada tenaga suria, adalah sumber yang boleh diperbaharui dan berterusan yang semakin popular kerana faedah alam sekitar dan keupayaan untuk menangani isu penggunaan tenaga.

Tenaga suria semakin banyak digunakan dalam komersil, kawasan perindustrian dan kediaman serta membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menentang perubahan iklim. Ideanya adalah untuk memecahkan sisa plastik kepada produk seperti bahan bakar minyak, syngas, dan arang (3).

Daripada menggunakan kaedah pirolisis biasa, meggunakan tenaga suria untuk memulihkan sampah dan membantu mengurangkan pelepasan karbon. Memandangkan inovasi terus memacu kemajuan dalam bidang ini, impak gabungan tenaga suria dan pirolisis plastik berpotensi untuk membentuk semula pendekatan kami terhadap pengurusan tenaga dan sisa dengan membuka jalan ke arah planet yang lebih hijau.

Reflektor parabola memfokuskan cahaya matahari ke penerima berhampiran titik fokusnya. Permukaan reflektif, diperbuat daripada logam, kaca, atau plastik untuk mengarahkan cahaya matahari ke kawasan kecil yang dipanggil fokus. Bentuk pemantul adalah idealnya parabola, dan saiznya berbeza-beza berdasarkan ketepatan, pemantulan dan jarak fokus (1). Cahaya matahari dikumpulkan dan ditukar kepada tenaga haba dengan menggabungkan pengumpul haba suria dan tenaga haba ini kemudiannya dihantar ke reaktor pirolisis.

Sisa plastik yang berasal daripada petrokimia dan mempunyai nilai tenaga yang tinggi, boleh ditukar kepada tenaga berguna melalui kaedah seperti pengegasan, pirolisis, pemprosesan plasma dan pembakaran (3).

Pirolisis adalah kaedah pilihan kerana ia mengurangkan jumlah sisa dengan ketara dan memulihkan lebih banyak tenaga. Ini menjadikannya pilihan yang cekap dan menjimatkan untuk mengitar semula sisa plastik (3).

Dengan memanfaatkan sumber matahari yang banyak dan boleh diperbaharui, teknologi terma suria menyokong peralihan ke arah amalan tenaga yang lebih bersih dan mampan.



Gambar 2. Diagram contoh pada Solar Plastic Pyrolyzer (4).

"Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya"

Generasi muda perlu memainkan peranan penting dalam memacu penyelesaian ekologi inovatif dan kehidupan yang berkelanjutan. Untuk melindungi planet kita dan memastikan kemampuannya untuk dihuni, kita mesti merangkul sumber tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan pirolisis plastik. Dengan menyokong teknologi ini, anda boleh membantu mewujudkan masa depan yang lebih baik di mana kemajuan dan penjagaan alam sekitar berjalan bersama. Masa depan terletak di tangan anda – mari kita jadikan ia cerah dan berkelanjutan.

PENDIDIKAN 5.0
TEKNOLOGI DAN KEMANUSIAAN

Nuraini binti Mohd Rashid

Pendidikan 5.0 merupakan rangka pendidikan yang direka untuk menyokong matlamat untuk mewujudkan *Society 5.0*. Ia merupakan evolusi dalam pendidikan yang menggabungkan pendidikan berteraskan nilai kemanusiaan dengan teknologi canggih seperti AI, robotik dan realiti maya. Pendidikan 5.0 memberi tumpuan untuk melahirkan graduan yang boleh menyesuaikan diri, inovatif dan bertanggungjawab dari segi sosial untuk membina masyarakat yang mampan dan inklusif. Tidak seperti pendidikan tradisional, Pendidikan 5.0 menekankan kreativiti, etika, penyelesaian masalah dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sumber : https://social-innovation.hitachi/en-in/knowledge-hub/techverse/society-5-0/

ASPEK UTAMA PENDIDIKAN 5.0

1. Pembelajaran Kendiri

Dalam pendidikan 5.0, pelajar diberikan kebebasan untuk memilih kaedah pembelajaran mengikut keupayaan dan keperluan individu pelajar. Walau bagaimana pun pensyarah memainkan peranan yang penting dalam menentukan isi dan objektif pembelajaran supaya pelajar berada dalam landasan yang betul.

2. Fokus pada Kemahiran Abad Ke-21

Pendidikan 5.0 memfokuskan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 untuk melahirkan pelajar yang berpemikiran kritis, kreatif, cekap menyelesaikan masalah serta mampu bekerjasama secara berkesan. Ia selaras dengan keperluan Industri 5.0 yang menekankan integrasi manusia dan teknologi, sekali gus menyokong aspirasi *Society 5.0*.

3. Pendekatan Kemanusiaan

"Pendidikan 5.0 menekankan keseimbangan diri pelajar dalam aspek teknikal, emosi, dan sosial. Ini bagi melahirkan pelajar yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Sumber :https://momenta.vc/industry5.0

4.Mengintegrasi Teknologi dalam Pembelajaran dan Pengajaran

Penggunaan teknologi seperti AI, AR dan IoT dalam pembelajaran dapat meningkatkan motivasi pelajar, menggalakkan pembelajaran kendiri, serta menyokong penguasaan kemahiran abad ke-21 melalui persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik

5. Kebolehsuaian dan Fleksibiliti

Perkembangan pesat dalam bidang automasi, kecerdasan buatan, dan digitalisasi telah mewujudkan landskap pekerjaan yang sentiasa berubah serta menuntut kemahiran baharu secara berterusan. Justeru itu,adalah amat penting untuk melengkapkan pelajar dengan keupayaan menyesuaikan diri terhadap ketidakpastian dan cabaran masa hadapan melalui laluan pembelajaran yang fleksibel dan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

6. Sejajar dengan Industri 5.0

Pendidikan masa kini perlu sejajar dengan tuntutan Industri 5.0 yang menekankan integrasi manusia dan mesin bagi memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan disamping menyokong Masyarakat 5.0 (Society 5.0)

KESIMPULAN

Pendidikan 5.0 menggabungkan nilai kemanusiaan dengan teknologi canggih untuk melahirkan graduan yang beretika, inovatif dan adaptif. serta menyokong pembinaan masyarakat inklusif dan mampan selaras dengan matlamat *Society 5.0*.

BAKTERIA PEMAKAN PLASTIK: IDEONELLA SAKAIENSIS

Harapan Baru untuk Dunia Tanpa Sampah Plastik

Fazliana Binti Abdullah

Pada tahun 2016, sekumpulan saintis Jepun yang sedang mengkaji tapak pembuangan sampah di Sakai, Osaka menemui bakteria unik yang mampu memecahkan plastik PET (polyethylene terephthalate). Plastik PET ialah bahan utama botol air, bungkusan makanan, dan tekstil (polyester).

Bakteria ini dinamakan Ideonella sakaiensis sempena tempat ia ditemui. Ia menjadi terkenal kerana boleh "makan" plastik dan menjadikannya bahan tidak berbahaya seperti karbon dioksida dan air.

Kenapa Ini Penting?

Plastik PET mengambil ratusan tahun untuk terurai secara semula jadi. Ideonella sakaiensis boleh memecahkan PET dalam enam minggu (di makmal) – satu keajaiban berbanding ratusan tahun! Jika dikembangkan, bakteria ini boleh jadi senjata penting melawan pencemaran plastik global.

Bagaimana Bakteria Ini Bekerja?

1 Ideonella sakaiensis menghasilkan dua enzim penting untuk memecahkan plastik:

PETase (Polyethylene Terephthalate Hydrolase)

- Memecahkan rantaian panjang PET kepada unit yang lebih kecil: mono(2-hydroxyethyl)terephthalicacid (MHET).

2 MHETase (Mono(2-hydroxyethyl) terephthalic acid Hydrolase)

- Menukarkan MHET kepada asid tereftalik dan etilena glikol — bahan yang lebih mesra alam.

Prosesnya seperti ini: Plastik PET → MHET → Asid Tereftalik + Etilena Glikol → Air + CO_2



Perkembangan Teknologi

- Pada 2018, saintis di University of Portsmouth berjaya mengubahsuai enzim PETase supaya lebih efisien dan cepat memecahkan plastik.
- Sekarang ada usaha mencipta enzim “super PETase” melalui teknik kejuruteraan protein dan AI untuk mempercepat proses degradasi plastik dalam skala industri.

Kelebihan vs Cabaran

Kelebihan

- Menyelesaikan masalah sisa plastik.
- Tidak toksik, mesra alam.
- Boleh digunakan dalam sistem kitar semula.

Cabaran

- Masih perlahan untuk kegunaan komersial.
- Perlu dikawal supaya tidak ganggu ekosistem.
- Kos pembangunan teknologi masih tinggi.



Masa Depan Bakteria Pemakan Plastik

- Bayangkan pusat kitar semula yang menggunakan koloni Ideonella sakaiensis untuk "memakan" gunungan botol plastik.
- Atau enzim PETase disembur terus ke dalam sistem pengolahan air untuk “membersihkan” lautan plastik.
- Malah ada idea untuk menggunakan bakteria ini di stesen angkasa supaya angkasawan boleh mengitar semula plastik dengan bantuan mikroba.

Fun Fact

- Enzim PETase Ideonella lebih suka suhu 30°C – sesuai dengan iklim tropika!
- Proses penguraian bakteria ini tidak menghasilkan gas rumah kaca seperti pembakaran plastik.

Ringkasan

Ideonella sakaiensis ialah “superhero alam sekitar” kecil yang memberi kita harapan untuk masa depan lebih bersih. Dengan bantuan teknologi, ia mungkin jadi pelengkap kepada usaha mengurangkan, mengguna semula, dan mengitar semula plastik.

Si kecil ini mungkin kunci kepada dunia tanpa plastik!

POKOK AREN

SERIBU MANFAAT DARI DESA KE DUNIA

ChM. Dr. Norfarhana Abdul Samad
farhana@ptsn.edu.my

Pokok Aren: Warisan Alam

Pokok Aren (**Arenga pinnata**) atau lebih dikenali sebagai kabung sinonim dengan gulanya yang manis dan segar. Nira yang ditadah daripada bunganya menjadi minuman tradisi serta manisan warisan turun-temurun. Bukan itu sahaja, buah aren (kolang kaling) juga menjadi kegemaran ramai. Isinya berwarna putih jernih, kenyal, dan sering dijadikan bahan tambahan dalam ais batu campur (ABC) atau dijadikan pemanis mulut. Kehadiran buah aren memberi rasa unik yang menyegarkan, sekali gus menambahkan lagi nilai istimewa pokok ini.

Pokok Aren atau Kabung, khazanah alam yang semakin dilupakan

Potensi Pokok Aren

Di sebalik manisnya gula aren dan keenakan buahnya, batang dan pelepah aren pula menyimpan rahsia sains moden. Seratnya kaya dengan selulosa, bahan asas yang boleh diproses menjadi nanoselulosa – gentian halus bersaiz nanometer yang sangat kuat, ringan, telus dan mesra alam.

Aplikasi Pokok Aren

📦 Pembungkusan makanan mesra alam menggantikan plastik sekali guna

💧 Penapis air untuk merawat pencemaran industri dan domestik.

🧩 Bahan komposit berprestasi tinggi menguatkan plastik, getah, atau polimer untuk kegunaan automotif, pembinaan dan teknologi aeroangkasa.

🩹 Pembalut luka bioaktif boleh mempercepatkan penyembuhan

Penyediaan nanoselulosa daripada pokok Aren ~ membuka jalan kepada produk hijau masa depan

Dari Manisan Kepada Inovasi

Dulu kita hanya mengenali aren atau kabung melalui manisnya gula dan segarnya buah. Hari ini, ia mula dikenali kerana sumbangannya dalam teknologi hijau. Bayangkan satu pokok yang dahulu hanya tumbuh di tepi sawah atau dusun, kini boleh menjadi asas kepada pembalut luka, penapis air atau bateri berteknologi tinggi.

Penghasilan Nanoselulosa Aren

Nanoselulosa daripada pokok aren dihasilkan melalui proses penyingkiran lignin, hemiselulosa dan kekotoran, diikuti rawatan kimia yang membantu meleraikan struktur mikrofibril selulosa. menggunakan teknik pemesinan basah bagi memecahkannya kepada fibril halus berskala nano, biasanya di bawah 100 nm.

Proses ini menghasilkan nanoselulosa yang ringan tetapi sangat kuat, mempunyai luas permukaan tinggi serta kestabilan yang baik dalam suspensi. Dengan ciri-ciri ini, nanoselulosa aren menawarkan potensi besar sebagai bahan penguat dalam komposit, membran rawatan air dan pelbagai aplikasi berasaskan bio, serta memanfaatkan sumber agro-sisa yang murah dan lestari.

Aren ~ Bukan Hanya Sekadar Gula

Pokok kabung sebenarnya lebih daripada sekadar sumber gula. Buahnya menyegarkan, nira menjadi manisan, batang dan pelepahnya menghasilkan nanoselulosa. Malah, sisa-sisanya berpotensi dijadikan baja organik atau tenaga biojisim. Setiap bahagian pokok ini dari akar, batang, pelepah hingga ke buah boleh dimanfaatkan sepenuhnya.

Aren, si kecil desa, kini memikul harapan besar dunia. Dalam era kelestarian dan teknologi hijau, inilah waktunya kita kembali menghargai khazanah yang hampir dilupakan ini.

PRINSIP HUYGIENS

PERUBAHAN GELOMBANG CAHAYA

Suhaili binti Esmon
suhaili.esmon@ptsn.edu.my

Menurut Prinsip Huygens, setiap titik pada permukaan gelombang bertindak sebagai sumber gelombang sfera kecil sekunder (secondary wavelets) yang menjalar secara seragam ke semua arah pada kelajuan yang sama dengan gelombang asal. Pada masa yang berikutnya, muka gelombang baharu terbentuk sebagai sampul (envelope) kepada semua gelombang sekunder ini. Prinsip ini digunakan untuk menerangkan perambatan gelombang dalam medium homogen serta untuk menjelaskan fenomena seperti pembelauan (diffraction), pembiasan (refraction) dan interferens (interference) secara geometri. Huygens Fresnel Principle, yang merupakan peluasan kepada prinsip asal ini, turut mengambil kira kesan amplitud dan fasa untuk menerangkan intensiti gelombang pada sesuatu titik.





Rajah 1 : Prinsip Huygens digunakan untuk menunjukkan bagaimana hadapan gelombang satah yang mengenai satu bukaan menghasilkan pembelauan. Selepas melalui bukaan, tepi gelombang membengkok membentuk corak pembelauan. Kesan lenturan menjadi lebih ketara apabila saiz bukaan hampir sama dengan panjang gelombang, mencerminkan sifat semula jadi gelombang dalam situasi tersebut.

https://courses.lumenlearning.com/suny-physics/chapter/27-2-huygenss-principle-diffraction/

Pembelauan berlaku dengan lebih ketara apabila saiz celah atau halangan menghampiri panjang gelombang cahaya. Prinsip Huygens menjelaskan tingkah laku gelombang dalam situasi ini dan menjadi asas kepada pemahaman dalam optik klasik dan moden.

Cahaya merupakan gelombang elektromagnet yang terdiri daripada medan elektrik dan medan magnet yang berayun serenjang antara satu sama lain serta terhadap arah perambatan gelombang.

Tiga (3) ciri utama gelombang iaitu panjang gelombang (λ), frekuensi (f), dan kelajuan cahaya (c) berkait melalui persamaan, $C = \lambda f$

PEMBENTUKAN PEMBELAUAN (DIFFRACTION)

Berdasarkan Rajah 2, apabila cahaya melalui bukaan yang kecil, Prinsip Huygens menerangkan pembelauan cahaya yang berlaku serupa seperti bunyi. Pembelauan ialah fenomena di mana gelombang membengkok apabila melalui tepi halangan atau celah sempit, iaitu suatu ciri asas bagi semua jenis gelombang. Kehadiran pembelauan merupakan bukti sifat gelombang sesuatu fenomena. Oleh itu, pembelokan mendatar pancaran laser selepas melalui celah dalam Rajah 3 mengesahkan bahawa cahaya bersifat gelombang.



Dalam Rajah 2, Prinsip Huygens digunakan untuk menunjukkan bagaimana gelombang lurus yang melalui satu bukaan mengalami pembelauan. Setelah melepasi bukaan, bahagian tepi gelombang membengkok, membentuk corak pembelauan. Semakin kecil saiz bukaan berbanding panjang gelombang, semakin ketara kesan pembelauan yang berlaku. Fenomena ini paling jelas apabila dimensi halangan hampir sama dengan panjang gelombang tersebut.

https://courses.lumenlearning.com/suny-physics/chapter/27-2-huygenss-principle-diffraction/



Perbezaan kecil antara kedudukan minimum dan maksimum boleh dikaitkan dengan ralat pengukuran manual serta ketidakseragaman pada lebar celah. Namun begitu, corak keseluruhan yang diperoleh menunjukkan bahawa model berdasarkan Prinsip Huygens dapat menerangkan pembentukan muka gelombang dan pola pembelauan dengan tepat dari sudut geometri.

Prinsip Huygens berfungsi sebagai pendekatan yang efektif untuk menerangkan dan memvisualkan fenomena pembelauan gelombang cahaya. Ia sesuai digunakan dalam konteks pendidikan dan penyelidikan asas, terutamanya dalam memahami perambatan gelombang melalui celah sempit serta interaksi dengan halangan.

Rajah 3 :
(a) Pancaran laser dari sebuah balai cerap bergerak secara linear seperti cahaya biasa. Imej ini menunjukkan pancaran laser dari Balai Cerap Paranal, di bawah pengurusan European Southern Observatory.
(Kredit: Yuri Beletsky, European Southern Observatory)

(b) Apabila pancaran laser melalui susunan celah menegak, ia menghasilkan corak gangguan (interferens), yang merupakan bukti sifat gelombang cahaya.
(Kredit: Shim'on dan Slava Rybka, Wikimedia Commons)

FITOREMEDIASI

TUMBUHAN SEBAGAI SENSOR BIOAKTIF



Azmi bin Ahmad
azmi.ahmad@ptsn.edu.my

Dengan industri yang semakin berkembang, pencemaran tanah dan air menjadi salah satu cabaran am sekitar yang kritikal. Sisa industri berat,air sisa domestik, dan sisa pertanian seperti racun perosak telah menyumbang kepada kerosakan ekosistem. Rawatan konvensional menggunakan kaedah mekanikal, dan kimia berkesan dalam merawak pencemaran ini, tetapi selalunya mahal, berisiko tinggi, dan tidak mampan dalam jangka panjang. . Di sinilah muncul satu penyelesaian mesra alam yang luar biasa iaitu fitoremediasi, iaitu teknologi menggunakan tumbuhan hidup sebagai agen rawatan dan pemantauan bahan pencemar. Tumbuhan bukan sekadar hijau pada rupa, tetapi juga mampu bertindak sebagai sensor bioaktif yang 'mengesan' dan merawat tanah serta air yang tercemar

APA ITU FITOREMEDIASI

Fitoremediasi merujuk kepada penggunaan tumbuhan untuk mengurangkan, menyahtoksik, menguraikan, atau menstabilkan bahan pencemar daripada alam sekitar. Mekanisme ini bergantung kepada sistem akar dan fisiologi tumbuhan yang unik dalam memproses bahan kimia tertentu secara semula jadi. . Terdapat beberapa mekanisme utama dalam fitoremediasi :

- Fito-pengekstrakan
- Fito-penstabilan
- Fito-degradasi
- Rizo-penurasan



PROSES DALAM FITOREMEDIASI

SENSOR BIOAKTIF: KONSEP & APLIKASI

Menariknya, beberapa tumbuhan bukan sahaja merawat pencemaran dalam alam sekitar tetapi juga sebagai indikator tentang kehadiran bahan toksik. Tumbuhan ini bertindak seperti sensor, yang berubah dari segi warna daun, kadar pertumbuhan, atau pengeluaran sebatian tertentu apabila terdedah kepada logam berat seperti plumbum, kadmium atau arsenik.Sebagai contoh:

- Kangkung dan bayam air digunakan dalam eksperimen rawatan air lombong kerana kadar pertumbuhan tinggi dan sensitiviti terhadap logam
- Rumput dikenali dalam industri kerana akar dalamnya yang tahan dan cekap menstabilkan bahan pencemar.
- Bunga matahari mampu menyerap uranium dan logam berat sambil menunjukkan perubahan morfologi yang boleh dikesan

HAD DAN CABARAN

Walaupun teknologi fitoremediasi adalah lestari, fitoremediasi mempunyai beberapa kekangan. Ia tidak sesuai untuk bahan pencemar yang berada jauh dibawah permukaan tanah, atau untuk bahan kimia kompleks yang kar diuraikan. Prosesnya juga lebih perlahan, biasanya memakan masa antara 3 hingga 10 tahun, bergantung kepada jenis tumbuhan, kepekatan bahan pencemar dan keadaan iklim. Selain itu, tumbuhan yang menyerap logam berat menjadi bahan toksik yang perlu dilupuskan secara khas seperti pembakaran terkawal. Jika tidak diuruskan dengan betul, ia boleh mencemarkan semula alam sekitar.

POTENSI MASA DEPAN DI MALAYSIA

Malaysia, sebagai negara tropika yang kaya dengan biodiversiti tumbuhan, mempunyai kelebihan dalam meneroka kaedah fitoremediasi sebagai satu kaedah penyelesaian mampan.Teknologi ini juga selari dengan konsep TVET hijau, membolehkan pelajar menggabungkan ilmu biologi, kejuruteraan dan teknologi dalam konteks sebenar. Tumbuhan bukan sahaja menghijaukan bumi, tetapi juga berfungsi sebagai sistem rawatan semula jadi yang efisien. Teknologi ini juga selari dengan konsep TVET hijau, membolehkan pelajar menggabungkan ilmu biologi, kejuruteraan dan teknologi dalam konteks sebenar. Tumbuhan bukan sahaja menghijaukan bumi, tetapi juga berfungsi sebagai sistem rawatan semula jadi yang efisien.

KESIMPULAN

Dalam dunia yang semakin mencari penyelesaian lestari, fitoremediasi membuktikan bahawa teknologi tidak semestinya perlu kaedah yang kompleks. Kadangkala cukup sekadar akar yang menjalar dan daun yang memantul cahaya. Tumbuhan, sebagai sensor bioaktif, mengajar kita bahawa alam itu sendiri adalah teknologi terbaik yang pernah wujud.

GARCINIA CAMBOGIA:

Kecil-kecil Buah, Besar Gunanya

Nor Hashina Binti Bahrudin
Nurul Nafisah Binti Nor Amali

PENGENALAN BUAH :

Pernahkah anda terjumpa buah kecil yang bentuknya seakan labu mini tetapi berwarna kehijauan atau kekuningan? Itulah Garcinia cambogia, sejenis buah tropika yang banyak tumbuh di Asia Tenggara. Walaupun saiznya sederhana, buah ini semakin dikenali di seluruh dunia kerana manfaat kesihatan yang dikaitkan dengannya.

RAHSIA KANDUNGAN HCA:

Keistimewaan utama Garcinia cambogia ialah kandungan asid hidroksisitrat (HCA). Ramai yang percaya HCA mampu mengawal selera makan dan membantu proses penurunan berat badan. Bayangkan, rasa kenyang lebih lama dan kurang keinginan untuk snek semuanya datang daripada sebiji buah yang kelihatan biasa-biasa sahaja.

KEGUNAAN TRADISIONAL :

Selain menjadi buah yang popular dalam suplemen moden, Garcinia cambogia juga mempunyai nilai tradisi. Di kampung-kampung, kulit dan daun buah ini digunakan dalam masakan untuk menambah rasa masam yang segar. Malah, masyarakat dahulu menjadikannya ramuan herba untuk melegakan masalah pencernaan.

ALAM SEBAGAI INSPIRASI :

Kisah Garcinia cambogia mengingatkan kita bahawa alam sentiasa penuh dengan penyelesaian semula jadi. Di sebalik saiznya yang kecil, buah ini membawa inspirasi bahawa sesuatu yang sederhana mampu memberi kesan besar. Ia seperti pesanan halus daripada alam jangan pandang rendah pada perkara yang kelihatan biasa.

KESIMPULAN :

Akhirnya, Garcinia cambogia bukan sekadar buah tropika, tetapi simbol keseimbangan antara tradisi dan gaya hidup moden. Sama ada dalam bentuk masakan, herba, atau suplemen, buah kecil ini tetap memberi manfaat kepada tubuh dan minda. Jadi, lain kali jika terdengar nama buah ini, senyum sahaja dan ingat: kadang-kadang yang kecil itulah yang paling berharga.

KEPENTINGAN KROMIUM DALAM KAWALAN DIABETES MELLITUS JENIS 2

Dr. Rahizana binti Mohd Ibrahim
rahizana@ptsn.edu.my

Peranan Kromium dalam Diabetes Mellitus Jenis 2

Diabetes mellitus jenis 2 (DM2) merupakan salah satu penyakit metabolik yang paling lazim di dunia. Penyakit ini sering dikaitkan dengan komplikasi kronik seperti kegagalan jantung, kerosakan buah pinggang, strok, dan masalah penglihatan. Antara faktor utama yang mendorong perkembangan penyakit ini ialah rintangan insulin, iaitu keadaan di mana sel badan tidak lagi memberi tindak balas yang baik terhadap insulin. Apabila ini berlaku, tubuh memerlukan lebih banyak insulin untuk mengawal paras gula darah, dan lama-kelamaan, ia meningkatkan risiko komplikasi. Kajian oleh Fatima Alkhalidi (2023) yang diterbitkan dalam Journal of Medicine and Life telah menunjukkan bahawa kekurangan kromium dalam diet harian boleh memburukkan lagi keadaan ini. Kromium adalah salah satu mikronutrien penting yang walaupun hanya diperlukan dalam jumlah yang kecil, mempunyai kesan besar dalam membantu tubuh mengawal paras glukosa darah dengan lebih baik.

Bentuk dan Keperluan Kromium

Kromium (Cr) wujud dalam beberapa bentuk valens, iaitu Cr^{2+}, Cr^{3+}, dan Cr^{6+}. Antara semua bentuk tersebut, Cr^{3+} (trivalen) dianggap paling stabil serta bermanfaat secara biologi. Keperluan harian kromium untuk manusia sangat kecil, iaitu sekitar 0.005–0.2 mg sehari, dengan paras normal dalam darah berada dalam julat 2.3–40.3 nmol/L.

Menurut kajian oleh Farrokhian (2023), Cr^{3+} boleh ditemui dalam bentuk Glucose Tolerance Factor (GTF) dan Low Molecular Weight Chromium (LMWCr). Kedua-dua bentuk ini berperanan penting dalam meningkatkan keberkesanan insulin, bukan sahaja untuk mengawal glukosa dalam darah tetapi juga membantu dalam metabolisme lipid.

Mekanisme Kromium dalam Mengawal Gula Darah

Kromium berfungsi dengan menstabilkan pengikatan insulin kepada reseptornya di permukaan sel. Apabila hubungan ini stabil, insulin dapat bekerja dengan lebih berkesan untuk membawa glukosa masuk ke dalam sel dan digunakan sebagai tenaga. Hal ini juga mengurangkan masalah rintangan insulin, iaitu punca utama dalam diabetes jenis 2.

.

KROMIUM DAN DIABETES

Selain itu, kromium membantu meningkatkan sensitiviti insulin, bermakna tubuh memerlukan insulin dalam jumlah yang lebih sedikit untuk mencapai kesan yang sama. Mekanisme ini penting kerana ia bukan sahaja membantu mengawal paras gula, tetapi juga berpotensi mengurangkan tekanan kepada pankreas yang menghasilkan insulin..

Manfaat Suplemen Kromium

Kajian Farrokhian (2023) turut menekankan bahawa suplemen kromium boleh memberikan manfaat nyata kepada pesakit diabetes jenis 2, terutamanya yang mengalami kekurangan kromium. Antara manfaat yang dilaporkan termasuk:

1. Mengurangkan paras glukosa darah ketika berpuasa.
2. Mengurangkan keperluan insulin eksogen, iaitu suntikan insulin tambahan yang biasanya diberikan kepada pesakit diabetes.
3. Meningkatkan kawalan metabolisme lipid, yang seterusnya membantu mengurangkan risiko komplikasi kardiovaskular.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kromium memainkan peranan penting dalam membantu keberkesanan insulin dan mengurangkan masalah rintangan insulin yang menjadi asas kepada diabetes jenis 2. Walaupun hanya diperlukan dalam jumlah yang kecil, kekurangan kromium boleh memberi kesan buruk kepada kawalan gula darah. Hasil kajian oleh Alkhalidi (2023) dan Farrokhian (2023) memberikan bukti bahawa kromium, sama ada daripada diet atau suplemen, berpotensi untuk menjadi sebahagian daripada strategi pengurusan diabetes jenis 2, terutamanya bagi pesakit yang mempunyai paras kromium rendah.

Dari Kelas ke Dunia Nyata: Menyemai Budaya Penyelidikan dan Inovasi

"Mencungkil Potensi dan Kreativiti Pelajar Politeknik"

Hasyireen binti Abdul Halim
Siti Nazurah binti Md Zaid

Bayangkan anda seorang pelajar politeknik. Setiap hari anda ke bengkel, makmal, atau kelas teori. Anda belajar cara mengendalikan mesin, memasang litar, membina sistem, dan menyelesaikan tugasan projek. Semua itu penting – tetapi dunia hari ini menuntut lebih daripada sekadar mahir secara teknikal. Dunia hari ini mahukan idea baharu, penyelesaian kreatif, dan keberanian untuk mencuba sesuatu yang lain daripada kebiasaan.

Di sinilah penyelidikan dan inovasi memainkan peranan besar.

Kenapa Penyelidikan Itu Penting??

Penyelidikan bukan hanya tentang menulis laporan tebal atau mencari artikel jurnal yang sukar difahami. Sebenarnya, penyelidikan ialah proses bertanya dan mencari jawapan. Bila pelajar berani bertanya "kenapa mesin ni cepat rosak?" atau "bagaimana nak guna tenaga solar lebih efisien?", mereka sebenarnya sudah mula berfikir seperti seorang penyelidik.

Mengapa Inovasi Jadi Pemangkin?

Kalau penyelidikan ialah bertanya, inovasi pula ialah bertindak mencipta jawapan.

Contohnya, seorang pelajar yang bosan melihat kipas asrama cepat rosak, mencuba hasilkan kipas dengan sistem kawalan automatik yang lebih tahan lama. Atau sekumpulan pelajar elektrik cuba mencipta power bank berasaskan tenaga solar untuk kegunaan kecemasan.

Inovasi melatih pelajar untuk berfikir di luar kotak, berani gagal, dan cuba lagi. Kadang-kadang produk yang dihasilkan bukan sekadar projek akhir semester, namun boleh menjadi benih kepada perniagaan masa hadapan.

Sinergie; Program inovasi tahunan yang dijalankan di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Penulis bersama pelajar seliaan projek akhir dalam Pertandingan Sinergie

Apa Manfaat Kepada Pelajar?

- Kemahiran insaniah: Apabila bekerja dalam kumpulan projek inovasi, pelajar belajar berkomunikasi, bekerjasama, dan memimpin.
- Akademik lebih bermakna: Penyelidikan menjadikan teori yang dipelajari di kelas lebih hidup kerana diaplikasikan dalam situasi sebenar.
- Kebolehpasaran kerja: Majikan suka graduan yang bukan sahaja tahu "buat kerja", tetapi juga ada kreativiti dan mampu mencari jalan baharu bila berdepan masalah.

Cabaran Yang Wujud

- Namun begitu, jalan ini bukan mudah. Pelajar politeknik kadang-kadang terbeban dengan jadual kelas yang padat. Ada juga yang kurang yakin kerana menyangka penyelidikan hanya untuk pensyarah atau pelajar universiti. Kemudahan dan dana projek yang terhad juga antara penghalang.
- Tetapi, cabaran inilah yang menjadikan perjalanan lebih bermakna. Inovasi yang hebat biasanya lahir dari keterbatasan – apabila pelajar terpaksa berfikir kreatif dengan apa yang ada di tangan.

Bagaimana Nak Kukuhkan Budaya Ini?

- Wujudkan bengkel santai tentang cara mudah membuat penyelidikan dan inovasi.
- Galakkan penyertaan dalam pertandingan inovasi sebagai medan latihan.
- Adakan mentor dalam kalangan pensyarah yang boleh membimbing.
- Libatkan industri supaya projek pelajar lebih realistik dan relevan.

Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail sendiri telah melaksanakan program Pertandingan Inovasi i-Sinergie 2025 bagi membudayakan inovasi di kalangan pelajar-pelajar.

Penutup

Budaya penyelidikan dan inovasi menjadikan perjalanan pelajar politeknik lebih bermakna. Dari kelas yang penuh teori, mereka bergerak ke dunia nyata yang penuh cabaran. Dari soalan kecil, lahir jawapan besar. Dari idea ringkas, tercipta inovasi yang mungkin mengubah cara kita hidup.

Jika budaya ini disemai sejak awal, politeknik bukan sahaja melahirkan graduan yang mahir teknikal, tetapi juga generasi pencipta, pemikir, dan pemimpin masa depan.

"Dari kelas ke dunia nyata,
Ilmu jadi cahaya,
Penyelidikan membuka minda,
Inovasi mencipta bangsa berjaya."

BITUMEN TERUBAH SUAI POLIMER: MENGATASI KAKISAN PADA PAIP

MOHD AZIM BIN MD JANIS
azim@ptsn.edu.my

Jika anda membiarkan satu batang besi biasa yang tiada salutan terdedah dengan persekitaran hujan dan panas untuk tempoh beberapa hari, apa yang akan anda lihat? Ya anda akan dapati bintik-bintik berwarna coklat seperti jeragat mula timbul pada permukaan besi tersebut. Semakin lama batang besi tersebut terdedah dengan hujan dan panas, bintik-bintik berwarna coklat akan memenuhi permukaan batang besi tersebut. Haa.. bintik-bintik berwarna coklat itulah dipanggil sebagai **KAKISAN!** Musuh senyap ini juga mampu menyerang saluran paip gergasi yang mengalirkan bahan kimia di loji petrokimia yang berpotensi boleh melemahkan struktur paip dan seterusnya berpotensi menjejaskan kelancaran operasi loji.

SALUTAN PAIP DARI BITUMEN TERUBAH SUAI POLIMER

Salutan berperanan sebagai mekanisme pertahanan terhadap ancaman kakisan pada paip. Penggunaan bitumen asas semata-mata yang mempunyai rintangan kimia serta ketahanan mekanikal yang rendah akan menyebabkan salutan kurang berkesan dalam melindungi paip daripada kakisan. Penggabungan sisa buangan plastik Polietilena Tereftalat (PET) ke dalam bitumen terubah suai polimer berpotensi menghasilkan salutan paip yang lebih tahan lama serta memiliki daya tahan kimia yang lebih baik dalam usaha mengurangkan kakisan. Strategi serampang dua mata ini turut berpotensi mengurangkan jumlah sisa PET di tapak pelupusan dalam jangka masa panjang.

BAGAIMANA IA DIBUAT

Bitumen Terubah Suai Polimer

Sisa plastik PET kitar semula dikumpul, dipotong kecil, dibersihkan dengan larutan natrium hidroksida (NaOH) dan dibilas air panas sebelum dikisar halus membentuk serbuk PET siap guna. Bitumen yang di panaskan pada suhu sehingga 240 °C dalam tempoh 60 minit di tambah dengan bahan tambah pengemulsi serta *Styrene Butadiene Styrene* (SBS) dan dikacau selama 15 minit. Serbuk PET siap guna ditambah ke dalam campuran dan proses mengacau diteruskan. Akhir sekali, larutan asid hidroklorik (HCl) dimasukkan untuk melengkapkan prosedur penghasilan bitumen terubah suai polimer.

PENGUJIAN SALUTAN

Pengujian salutan pada paip dibuat dengan merendamkan paip yang telah disalut dengan bitumen terubah suai polimer dalam tiga persekitaran berbeza iaitu larutan berasid, larutan beralkali dan larutan garam. Hasil ujian yang dijalankan menunjukkan paip yang telah disalut dengan bitumen terubah suai polimer mempamerkan kebolehan dalam rintangan kakisan terhadap persekitaran berasid, beralkali dan masin.

Pengujian Salutan Dalam Persekitaran Berasid dan Beralkali

RUMUSAN RINGKAS

Salutan bitumen terubah suai polimer bukan sahaja melindungi paip daripada kakisan, malah mesra alam kerana memanfaatkan sisa plastik PET kitar semula. Hasil pengujian menunjukkan salutan ini tahan dalam persekitaran berasid, beralkali dan masin, berpotensi sebagai salutan alternatif untuk struktur paip yang lebih kukuh dan tahan lama

"MATEMATIK KEJURUTERAAN SEBAGAI SUBJEK YANG DIGERUNI: REALITI ATAU PERSEPSI?"

Juliyana binti Hussin
juliyana@ptsn.edu.my

Matematik sering dilabel sebagai subjek yang sukar dikuasai oleh pelajar di pelbagai peringkat pendidikan. Ungkapan seperti "saya lemah Matematik" atau "Matematik menakutkan" seakan sinonim dengan pengalaman kebanyakan pelajar, sehingga wujud tanggapan bahawa matematik adalah halangan besar yang sukar diatasi. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada cabaran dalam menguasai matematik benar-benar berpunca daripada tahap kesukarannya atau sekadar persepsi yang terbentuk daripada pengalaman terdahulu.



Di peringkat politeknik khususnya, Matematik Kejuruteraan dianggap sebagai salah satu subjek teras yang amat penting kerana ia menjadi asas kepada kursus teknikal dan amali lain. Namun, hakikatnya masih terdapat sebahagian pelajar yang tidak menunjukkan minat mendalam terhadap subjek ini.



Di Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN), Matematik Kejuruteraan dianggap sebagai nadi utama dalam pembentukan graduan jurusan kejuruteraan. Hal ini kerana penguasaan konsep matematik akan menentukan sejauh mana kefahaman pelajar terhadap kursus lain yang melibatkan pengiraan seperti Mekanik Bendalir, Elektronik, atau Termodinamik. Menariknya, terdapat pelajar yang melihat Matematik Kejuruteraan sebagai cabaran yang menyeronokkan, manakala sebahagian yang lain pula menganggapnya sebagai beban yang menghalang pencapaian akademik. Persoalan besar yang sering dibincangkan ialah adakah Matematik Kejuruteraan benar-benar terlalu sukar, atau kesukaran itu hanya terhasil daripada persepsi negatif yang diwarisi sejak zaman persekolahan dan dipengaruhi oleh pendekatan pengajaran yang kurang sesuai.

Dari sudut positif, pelajar yang memiliki minat dan kecenderungan terhadap Matematik Kejuruteraan lazimnya mencapai keputusan akademik yang lebih cemerlang. Mereka lebih gemar menyelesaikan soalan berbentuk aplikasi, berupaya mengaitkan formula dengan situasi sebenar dalam bidang kejuruteraan, serta mempunyai daya tahan yang tinggi untuk berusaha apabila berdepan dengan masalah yang mencabar. Minat yang kukuh terhadap subjek ini bukan sahaja mendorong kecemerlangan akademik, malah memupuk sifat ingin tahu, meningkatkan kreativiti, serta mengukuhkan keyakinan diri pelajar.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan wujud juga pelajar yang menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dengan keperluan Matematik Kejuruteraan. Antara faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini termasuklah asas matematik yang lemah sejak di sekolah menengah, gaya pengajaran yang terlalu bersifat abstrak, perbezaan gaya pembelajaran, kurangnya keyakinan diri serta persepsi umum bahawa matematik adalah “subjek susah”. Faktor-faktor ini melemahkan motivasi pelajar dan mewujudkan jurang yang ketara antara mereka yang benar-benar berminat dengan yang sekadar berusaha untuk lulus.

Menyedari realiti tersebut, pensyarah politeknik perlu berperanan secara lebih proaktif untuk menanamkan minat pelajar terhadap Matematik Kejuruteraan. Kaedah pengajaran yang lebih dinamik wajar diaplikasikan, antaranya melalui penggunaan perisian simulasi, pembelajaran berasaskan projek, serta aktiviti penyelesaian masalah secara kolaboratif. Dengan mengaitkan matematik kepada aplikasi sebenar dalam bidang kejuruteraan, pelajar akan lebih mudah memahami kepentingannya. Selain itu, sokongan tambahan seperti sesi bimbingan, kelas pengukuhan, serta motivasi daripada pensyarah berupaya membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar.

Kesimpulannya, sama ada Matematik Kejuruteraan digeruni kerana realiti atau sekadar persepsi banyak bergantung kepada pengalaman pembelajaran yang dialami pelajar. Minat terhadap subjek ini tidak hadir secara semula jadi, tetapi boleh dipupuk melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokkan, bermakna, dan relevan dengan bidang yang diceburi. Apabila minat itu berjaya disemai, pelajar bukan sahaja mampu mencapai kecemerlangan akademik, malah lebih bersedia menghadapi cabaran dunia kejuruteraan sebenar. Justeru, kecenderungan mendalami Matematik Kejuruteraan perlu ditanam sejak awal agar dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dari segi teknikal, tetapi juga memiliki daya analitikal, pemikiran kritis, serta keyakinan tinggi dalam meneroka bidang profesional.

KEPENTINGAN "SOUND ASSESSMENT" DALAM PENDIDIKAN TVET: MENTAKSIR BUKAN MENGHUKUM

Normazita Binti Mat Ali

Bayangkan anda seorang chef yang mahu memasak kari ayam yang sempurna. Anda sudah ada rempah yang terbaik, ayam segar dan api untuk memasak. Tapi, kalau anda tidak merasa kuahnya, mana mungkin anda tahu cukup garam atau tidak? Begitulah juga dalam dunia pendidikan, khususnya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)."Sound assessment" atau pentaksiran yang mantap dan bermakna , ibarat merasa masakan. Tanpanya, kita hanya meneka-neka sejauh mana pelajar benar-benar memahami atau menguasai sesuatu ilmu dan kemahiran.

Pendidikan TVET bukan seperti menghafal sifir atau sejarah. Ia bukan tentang jawapan yang betul di atas kertas semata-mata. Ia tentang tangan yang tahu memegang pemutar skru, telinga yang dapat membezakan bunyi enjin yang sihat dan hati yang tahu tanggungjawab dalam setiap tugas. Maka, menilai pelajar TVET tidak boleh dibuat secara sembarangan. Di sinilah "sound assessment" menjadi nadi penting bukan sekadar menyemak jawapan, tetapi memahami proses pentaksiran yang dibuat oleh pelajar.

Cuba bayangkan, kalau seorang tukang kayu dinilai hanya melalui ujian bertulis tentang teori kayu. Adakah cukup untuk menilai kemahirannya memahat? Tidak! Kita perlukan pentaksiran yang menyeluruh berkenaan teori, amali, sikap, disiplin dan semuanya mesti dicermin dengan jelas. Sound assessment adalah cermin jujur yang tidak menipu, ia menunjukkan kekuatan dan juga ruang penambahbaikan pelajar.

“Pentaksiran Umpama Cermin Jujur”

Dalam konteks Malaysia, kita sedang giat membina generasi TVET yang berdaya saing global. Kita mahu juruteknik, mekanik, chef, juruelektrik, dan pelbagai lagi tenaga mahir yang bukan saja cekap, tapi juga berkualiti tinggi. Tapi bagaimana kita dapat mengetahui mereka betul-betul hebat? Di sinilah pentaksiran yang sahih, adil, dan berasaskan bukti memainkan peranan besar. Sound assessment memastikan pelajar ditaksir secara adil dan objektif , bukan berdasarkan 'main agak-agak'.

Pelajar ibarat pelayar muda, pendidik adalah nakhoda, dan sound assessment adalah kompas yang menunjuk arah. Tanpa kompas, pelajar mungkin hanyut, hilang arah atau sampai lambat ke destinasi. Dengan pentaksiran yang sempurna, pelajar tahu di mana mereka berada, apa yang perlu diperbaiki, dan kemana mereka patut tuju. Ia bukan alat untuk menghukum, tetapi panduan untuk berkembang.

"Umpama Kompas Dalam Pelayaran"

Suara Untuk Masa Depan

TVET adalah laluan masa depan yang penuh harapan. Tetapi masa depan hanya boleh dibina jika kita tahu apa yang sedang berlaku hari ini. Sound assessment memberi suara kepada pelajar. Suara yang membuktikan mereka mampu, suara yang memberi mereka peluang untuk menonjol, bukan tenggelam dalam sistem yang mentaksif tanpa memahami.

Akhir kata, dalam dunia pendidikan TVET, pentaksiran bukan sekadar peperiksaan. Ia adalah seni membaca potensi, sains mengukur kemahiran, dan hati dalam memberi peluang. Jadi, mari kita ubah cara kita melihat pentaksiran. Bukan sebagai penamat, tetapi sebagai permulaan untuk kejayaan sebenar, ini kerana dalam dunia pendidikan TVET, rasa kuah itu penting agar kita tahu, ilmu dan kemahiran itu benar-benar sampai ke hati.

Rujukan:

- Harikirishanan, D. (2024). A critical examination of forging 'industry-driven'partnerships in Malaysian TVET institutions (Doctoral dissertation, Heriot-Watt University).
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2023). Dasar Pendidikan Teknikal dan Vokasional Negara 2.0 (DPPTV 2.0).
- Muhammad, N. B., Ali, N. B. M., Zamani, S. B., Yamin, N. a. B., & Ismail, N. N. B. (2020). Examining Assessment Literacy: A study of Technical teacher. European Journal of Molecular & Clinical Medicine, 7(8), 705–717. https://ejmcm.com/article_3191_d753fcba2429b3b6f5fa31150992576e.pdf
- Malaysian Qualifications Agency. (2023). Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2nd Edition.
- Rusalam, N. R., Munawar, W., & Hardikusumah, I. (2019). Development of authentic assessment in TVET. Proceedings of the 5th UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training (ICTVET 2018). https://doi.org/10.2991/ictvet-18.2019.78
- Stiggins, R. J. (2022). Reclaiming assessment: A better vision for student learning. Corwin Press.
- UNESCO-UNEVOC. (2022). Transforming TVET for Sustainable and Inclusive Growth.
- Zainuddin, N., & Hassan, R. (2023). The Role of Quality Assessment in Producing Skilled TVET Graduates. ASEAN Journal of Education, 8(1), 15–26.

REUMATOID ARTRITIS: SERANGAN SENYAP PADA SENDI ANDA

Kawal RA, Bina Kehidupan Berkualiti

Norlida binti Shaari
norlida@ptsn.edu.my

APA ITU PENYAKIT RA?

Rasa ngilu pada sendi? Sukar genggam barang kecil? **Reumatoid Artritis (RA)** adalah **penyakit autoimun** yang **menyerang sendi-sendi** kecil seperti pergelangan tangan, jari, lutut dan pergelangan kaki. **Sistem imun** kita yang sepatutnya menjadi 'askar pertahanan', tiba-tiba **keliru dan mula menyerang sendi sendiri** mengakibatkan lapisan dalam sendi (sinovial) menjadi radang, makin menebal, dan mula merosakkan tulang rawan serta tisu sekeliling. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan peningkatan kes RA dalam kalangan individu berusia 30 hingga 50 tahun, terutama wanita.

Rajah 1: Sendi Normal vs Sendi RA



PENGESANAN AWAL

- **Ujian darah**: Faktor Reumatoid (RF), Anti-CCP
- **Pemeriksaan imej**: X-ray, MRI

RAWATAN MODEN



GAYA HIDUP SIHAT

- ☑ Senaman ringan seperti (berjalan/ berenang)
- ☑ Pemakanan seimbang dan kaya antioksidan (contohnya ikan, sayuran hijau)
- ☑ Rehat yang mencukupi dan kawal stres

SOKONGAN EMOSI

KESIMPULAN

Peka terhadap isyarat daripada sendi. Jika mula menunjukkan tanda awal, jangan biarkan sehingga fungsi terjejas. Lebih awal RA dikesan, lebih baik peluang rawatannya. Jangan tunggu kesakitan menjadi parah – ambil langkah pencegahan sekarang.

RUJUKAN

1. Smolen, J. S., et al. (2018). Rheumatoid arthritis. The Lancet, 391(10123), 2504–2518.
2. Ministry of Health Malaysia. (2023). Clinical Practice Guidelines on RA.
3. Mayo Clinic. (2023). Rheumatoid arthritis - Symptoms and causes.
4. National Institutes of Health. (2022). RA Overview.
5. Arthritis Foundation. (2024). Understanding RA.

Ketahui RA lebih lanjut dari laman webKementerian Kesihatan Malaysia. Imbas di sini.

DIET KETO & DIABETES

SOLUSI TERKINI ATAU SEKADAR TREND?

Nur Husna bt Abu Bakar
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Diet ketogenic (keto) semakin popular sebagai strategi pemakanan dalam pengurusan diabetes jenis 2. Prinsip asasnya ialah pengambilan karbohidrat yang sangat rendah dan peningkatan lemak sihat sebagai sumber tenaga utama. Dengan itu, tubuh memasuki keadaan ketosis, yang dilaporkan dapat menurunkan paras gula darah dan meningkatkan kawalan glisemik. Namun, adakah ia benar-benar sesuai untuk pesakit diabetes pelbagai peringkat umur?

Kajian klinikal terkini menunjukkan bahawa diet keto boleh memberikan manfaat yang jelas, antaranya:

- **HbA1c & Glukosa Darah:** Penurunan HbA1c antara 0.6–1.0% dalam 3–6 bulan pertama.
- **Berat Badan:** Penurunan purata 8–10% selepas 12 bulan berbanding diet biasa.
- **Profil Lipid:** Peningkatan HDL, penurunan trigliserida, walaupun kesan terhadap LDL masih bercampur.

Keberkesanan diet keto terhadap pesakit diabetes:

Ubat Diabetes

40% pesakit dapat mengurangkan atau menghentikan pengambilan ubat diabetes.

Hipoglisemia

Penurunan episod hipoglisemia, iaitu keadaan gula darah terlalu rendah yang berbahaya.

CABARAN & RISIKO

1 KEPATUHAN JANGKA PANJANG

Sukar diamalkan kerana faktor sosial, budaya, dan ekonomi rakyat Malaysia.

2 KESAN SAMPINGAN AWAL

"Keto flu", sembelit dan sakit kepala.

3 RISIKO TERTENTU

Dalam kes terpencil dan jarang berlaku, boleh mencetuskan ketoasidosis, terutama jika ubat insulin tidak dipantau.

PENDEKATAN KEWASPADAAN

Diet keto bukan satu penyelesaian universal. Ia memerlukan:

- Pengawasan doktor atau pakar diet.
- Penyesuaian ubat untuk mengelakkan hipoglisemia.
- Alternatif lain seperti diet Mediterranean atau diet rendah kalori, yang mungkin lebih mudah dipatuhi oleh sesetengah pesakit.

KESIMPULAN

Diet keto memberi potensi besar sebagai pendekatan tambahan dalam pengurusan diabetes jenis 2. Ia mampu menurunkan berat badan, mengawal paras glukosa, dan mengurangkan penggunaan ubat-ubatan. Namun, ia bukanlah untuk semua pesakit.

"*Diet keto boleh memberi manfaat kepada pesakit diabetes, tetapi ia bukan pendekatan satu untuk semua. Pemilihan diet perlu disesuaikan dengan keadaan kesihatan, gaya hidup, dan keperluan individu. Pesakit digalakkan berbincang dengan doktor atau pakar diet sebelum memulakan sebarang bentuk diet ketat.*"

— Prof. Dr. David Ludwig, Endokrinologi Klinikal, Harvard Medical School

RUJUKAN

1. Goldenberg, J. Z., Day, A., Brinkworth, G. D., et al. (2021). Efficacy and safety of low and very low carbohydrate diets for type 2 diabetes remission: systematic review and meta-analysis. BMJ, 372, m4743.
2. Hallberg, S. J., McKenzie, A. L., Williams, P. T., et al. (2022). Effectiveness and safety of a novel care model for the management of type 2 diabetes at 2 years: an open-label, non-randomized, controlled study. Diabetes Therapy, 13(2), 495–508.

Checklist mode JIMAT!

- Matikan lampu sebelum keluar bilik.
- Tutup aircond selepas guna.
- Cabut pengecas selepas dicas penuh.
- Cabut pengecas selepas dicas penuh.
- Ingatkan rakan tentang amalan jimat tenaga.

AYUH! MULA DENGAN DIRI SENDIRI

Penjimatan elektrik bukan kerja orang atasan atau jabatan teknikal semata-mata. Ia bermula dengan diri kita - dengan satu tindakan kecil seperti mematikan suis atau cabut plug. Kalau bukan kita yang mulakan, siapa lagi?

Dengan mengaktifkan **"Mod JIMAT"** dalam kehidupan seharian, kita bukan sahaja membantu PTSN berjimat, malah menyumbang ke arah kampus yang lebih hijau, lestari dan berintegriti. Tak perlu jadi jurutera untuk faham semua ini, cukup sekadar kita peka dan bertindak.

SCARY story...

1 charger yang bekerja lebih masa...

Pernah satu hari pulang lambat dan ternampak ada *charger* telefon masih terpasang di ruang pejabat – dari pagi sampai malam. Tiada telefon pun yang dicaj. Hanya charger yang setia 'bekerja' tanpa gaji. Walaupun kecil, ia tetap guna elektrik.

Kiraan mudah:

- 1 *charger standby* = 0.0024 kWh sehari
- Sebulan = 0.072 kWh × RM0.50 = RM0.036
- Kalau ada **100 *charger* = RM3.60 sebulan** - tanpa manfaat langsung!

2 Bilik Kuliah Tanpa Penghuni

Suatu hari saya masuk ke bilik kuliah jam 6 petang — semua lampu dan *aircond* masih menyala, walaupun tiada sesiapa. Tiada kuliah, tiada pensyarah, tiada pelajar. Hanya bilik kuliah kosong yang 'berpeluh' kesejukan. Kalau situasi begini berlaku setiap hari, bayangkan berapa ratus ringgit sebenarnya kita 'sedekah' kepada TNB – tanpa sedar.

Kiraan mudah:

- 1 penghawa dingin (1.5HP) = 2.5 kWh sehari × RM0.50/kWh = RM1.25
- 30 hari = RM37.50 untuk satu bilik
- Jika 10 bilik = **RM375 sebulan dibazirkan!**

"MOD JIMAT: KECIL TINDAKANNYA, BESAR KESANNYA."

Mod JIMAT!: Cara Mudah Tapi Efektif untuk Warga PTSN

Bijak Tenaga, Bijak Bertindak – Kita Mulakan dari PTSN

Dr Khairunnisa A Rahman

Pernah tak kita fikir berapa banyak elektrik yang kita bazirkan setiap hari - hanya kerana terlupa tutup suis atau biarkan penghawa dingin berjalan tanpa henti? Dalam kesibukan harian sebagai pensyarah, staf atau pelajar di Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), kita mungkin tak sedar bahawa tabiat kecil seperti ini memberi kesan besar, bukan sahaja kepada bil elektrik institusi, malah juga kepada alam sekitar.

Di era perubahan iklim dan peningkatan kos operasi, penjimatan tenaga bukan lagi pilihan tetapi ia adalah satu keperluan. Penjimatan ini bukan sahaja membantu PTSN menjadi institusi lebih lestari, malah melatih kita semua menjadi warga yang lebih prihatin terhadap penggunaan sumber. Artikel ini membawakan beberapa langkah mudah tapi berkesan — atau dalam bahasa kita, aktifkan **"Mod JIMAT"!**

*Sumber: https://knowhow.distrelec.com/sustainability/5-ways-to-help-protect-the-earth/

Kenapa Penjimatan Elektrik Penting?

Di PTSN, penggunaan elektrik setiap bulan melibatkan pelbagai peralatan; dari makmal ke bilik pensyarah, dari aircond ke projektor dan pelbagai keperluan lagi. Jika setiap ruang tidak diurus dengan berhemah, kos utiliti boleh melambung. Lebih dari itu, penggunaan elektrik yang berlebihan juga menyumbang kepada peningkatan pelepasan karbon ke atmosfera, seterusnya mempercepatkan pemanasan global.

Fakta menarik: Jika setiap bilik pensyarah mematikan penghawa dingin selama satu jam setiap hari bekerja, PTSN boleh menjimatkan ratusan ringgit sebulan. Bayangkan jika seluruh kampus mengamalkannya. Jadi, jangan pandang rendah kuasa tindakan kecil.

AKTIFKAN "MOD JIMAT" – CARA BIJAK JIMAT ELEKTRIK

Gunakan Cahaya Semula Jadi

Jika bilik/ruang kerja anda terang dengan cahaya matahari, matikan lampu. Selain menjimatkan tenaga, cahaya semula jadi juga baik untuk kesihatan mental dan produktiviti.

Gunakan Mod 'Sleep' untuk Komputer

Kalau tinggalkan meja sebentar, letakkan komputer dalam mod 'sleep' atau 'hibernate' untuk jimat elektrik tanpa tutup sepenuhnya.

Cabut Plug Bila Tak Digunakan

Alat elektrik seperti pengecas, printer atau kettle masih menggunakan tenaga walaupun dalam mod 'standby'. Biasakan diri cabut plug selepas digunakan.

Elak Basuh Alat/Bahan Guna Air Panas Berlebihan

Di makmal atau bengkel, elakkan pemanasan air elektrik kecuali betul-betul perlu. Guna air suhu bilik jika mencukupi.

Sediakan Sudut Kesedaran Penjimatan

Di ruang pejabat, bengkel atau kelas, wujudkan sudut poster atau whiteboard dengan mesej "Mod Jimat Hari Ini" - boleh selang-seli dengan tip mingguan.

Tutup Pintu dan Tingkap Bila Guna Aircond

Pintu terbuka ketika pendingin hawa berfungsi menyebabkan pembaziran tenaga yang besar. Biasakan diri tutup rapat untuk kekalkan suhu dalaman.

Micro-Credential Sebagai Strategi Upskilling dan Reskilling di Era Digital

Ts. RASHIDAH BINTI LIP

Pengenalan

Dalam dunia yang sentiasa berubah, keperluan untuk menguasai kemahiran baharu tidak lagi menjadi pilihan, tetapi satu keperluan. Revolusi Industri 4.0, kecerdasan buatan (AI), automasi, serta ekonomi digital mengubah cara kita bekerja, belajar, dan berinteraksi. Dalam suasana ini, pekerja dan pelajar tidak boleh hanya bergantung kepada pengetahuan sedia ada. Mereka perlu sentiasa menambah ilmu dan kemahiran agar kekal relevan.

Di sinilah peranan Micro-Credential menjadi semakin penting. Ia dilihat sebagai jalan pantas untuk membina kemahiran baharu, menambah nilai diri, dan membuka lebih banyak peluang dalam pasaran kerja yang kompetitif.

Apa itu Micro-Credential?

Micro-Credential ialah bentuk pembelajaran fleksibel Secara mudah, Micro-Credential ialah kursus atau modul pembelajaran berskala kecil yang memberi pengiktirafan rasmi selepas tamat. Ia direka bentuk untuk memberikan ilmu atau kemahiran tertentu dalam tempoh singkat, biasanya dari beberapa jam hingga beberapa minggu.

Berbeza dengan diploma atau ijazah yang mengambil masa bertahun-tahun, Micro-Credential lebih fleksibel dan berfokus. Modul yang diambil bercirikan *stand-alone*, atau boleh digabungkan untuk membentuk kelayakan yang lebih besar. Contohnya, seorang pelajar boleh mengambil Micro-Credential dalam *Data Analytics* atau *Cybersecurity* tanpa perlu menunggu tamat pengajian diploma untuk mendapatkan kemahiran tersebut.

Mengapa Micro-Credential Penting di Era Digital?

1. **Fleksibel** - boleh diikuti secara dalam talian atau bersemuka, mengikut masa dan tempat peserta.
2. **Kos Lebih Rendah** - jauh lebih murah berbanding program akademik penuh.
3. **Segera Relevan** - kandungan dirangka mengikut permintaan industri semasa.
4. **Tingkatkan Kebolehpasaran** - sijil tambahan ini memberi nilai tambah kepada pelajar dan pekerja.
5. **Sokongan kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat** - sesuai untuk semua peringkat umur, dari pelajar hingga tenaga kerja berpengalaman.

Upskilling vs Reskilling: Apa Bezanya?

- **Upskilling** → Meningkatkan kemahiran sedia ada agar lebih relevan dengan perubahan teknologi.
  - Contoh: Seorang pensyarah yang sudah mahir mengajar di kelas tradisional, menambah ilmu dengan kursus Micro-Credential dalam E-Learning Tools.
- **Reskilling** → Mempelajari kemahiran baharu untuk menukar bidang atau menyesuaikan diri dengan peranan kerja yang berbeza.
  - Contoh: Seorang juruteknik yang mengikuti kursus Micro-Credential dalam *Cybersecurity* kerana syarikat memerlukan kepakaran baharu.

Cabaran Pelaksanaan Micro-Credential

1. **Kesedaran** - masih ramai pelajar dan tenaga kerja belum memahami nilai sebenar Micro-Credential.
2. **Kualiti Kursus** - perlu dijamin supaya kursus benar-benar menepati keperluan industri.
3. **Pengiktirafan** - walaupun semakin berkembang, masih ada majikan yang belum sepenuhnya mengiktiraf Micro-Credential.
4. **Integrasi dengan Sistem Akademik** - perlu strategi jelas untuk menggabungkan kursus pendek dengan program akademik formal.

Kesimpulan

Micro-Credential ialah jambatan antara dunia akademik dan dunia pekerjaan. Ia menjadi strategi terbaik untuk upskilling dan reskilling, memastikan pelajar, pendidik, dan tenaga kerja sentiasa relevan di era digital. Melalui pendekatan ini, politeknik boleh melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki sijil akademik, tetapi juga portfolio kemahiran yang diiktiraf industri.

Kelebihan dan potensi yang dimiliki, Micro-Credential bukan lagi pilihan sampingan tetapi sudah menjadi arus perdana dalam pendidikan moden. Ia adalah penyelesaian pantas untuk keperluan tenaga kerja masa kini, sekaligus menyokong falsafah pembelajaran sepanjang hayat.

Bagaimana Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail Boleh Manfaatkan Micro-Credential?

Di Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN), Micro-Credential boleh menjadi strategi utama:

- **Pensyarah** → mengikuti kursus terkini untuk pengajaran lebih inovatif.
- **Pelajar** → melengkapkan diri dengan kemahiran tambahan di luar silibus rasmi.
- **Industri** → bekerjasama dengan politeknik untuk menghasilkan kursus berasaskan keperluan semasa.

Sebagai contoh, pelajar kejuruteraan bukan sahaja mahir dengan teori mekanikal, tetapi juga boleh mengambil Micro-Credential dalam *Project Management* atau *Digital Communication Skills* sebagai nilai tambah.

Cadangan Penambahbaikan

1. **Promosi dan Kesedaran** - perlu lebih giat memperkenalkan Micro-Credential kepada pelajar, pensyarah, dan masyarakat.
2. **Kerjasama Industri** - kursus yang dibangunkan haruslah berpandukan keperluan sebenar industri.
3. **Platform Digital Bersepadu** - menyediakan sistem dalam talian untuk pendaftaran, pembelajaran, dan rekod pencapaian.
4. **Pembangunan Portfolio Digital** - Menggalakkan pelajar menyimpan semua sijil Micro-Credential mereka dalam bentuk digital untuk rujukan masa depan.
5. **Pengiktirafan Kredit Akademik -** kursus Micro-Credential boleh diiktiraf sebagai sebahagian daripada kredit untuk program diploma atau ijazah.

“The future belongs not to what we know today, but to how fast we adapt and learn tomorrow – with Micro-Credential as the key to success.”

BAJA EMAS HITAM DARIPADA SISA SAYURAN: INOVASI VERMIKOMPOS TENAGA SURIA MENGGUNAKAN CACING TANAH MERAH EISENIA FETIDA



Prototaip Projek Inovasi Vermikompos Tenaga Suria Menggunakan Cacing Tanah Merah EISENIA FETIDA

Sumaiya Mashori, Aqilah Abd Halim
sumaiya@uthm.edu.my

Di penjuru laman rumah, terletak sebuah kerusi kayu antik dengan rekabentuk unik mudah alih yang dilengkapi oleh empat roda bagi memudahkan kerusi dipindahkan daripada satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Di bahagian atas kerusi, dipasang satu panel solar 12V 100W yang dikawal oleh motor servo bagi kawalan pergerakan panel suria penjejak cahaya matahari yang berfungsi untuk menyerap cahaya matahari dan menyimpan tenaga ke dalam bateri litium-ion dan power bank yang boleh dicas semula [1].

Di bahagian tengah kerusi, terdapat satu kotak ajaib bekas vermikompos (baja tinja cacing) yang berfungsi menukar sisa sayuran menjadi baja emas hitam yang bermanfaat untuk tumbuh-tumbuhan, meningkatkan serta menstabilkan kesuburan tanah. Spesis cacing tanah merah Eisenia Fetida dipilih sebagai agen proses pengomposan kerana kemampuannya yang luar biasa dalam menguraikan bahan organik, mengunyah sisa sayuran sepanjang siang dan malam tanpa rasa jemu, menukarkan sisa sayuran menjadi bahan yang menyuburkan tanah, sekaligus meningkatkan imuniti pokok terhadap serangan serangga perosak dan penyakit, serta memudahkan tumbuhan menyerap nutrien [2-3].

Aplikasi Blynk (a) Pemantauan suhu, kelembapan bekas vermikompos dan paras air dalam tangki; (b) Notifikasi emel

Inovasi Vermikompos ini dikawal secara automatik menggunakan mikropengawal ESP32 yang diletakkan di bahagian belakang kerusi dan diprogramkan menggunakan Arduino IDE bagi memantau suhu dan kelembapan tanah di dalam kotak ajaib bekas vermikompos secara berterusan. Data yang diperoleh akan dihantar ke telefon pintar pengguna melalui aplikasi Blynk, bagi membolehkan pengguna memantau suhu, kelembapan dan paras air secara masa nyata. Sekiranya paras air dalam tangki air yang terletak di bahagian bawah kerusi menurun di bawah paras 3cm, sistem akan menghidupkan lampu LED merah dan menghantar notifikasi emel kepada pengguna. Semua ini berlaku secara automatik tanpa perlu pengawasan berterusan.

Kaedah penghasilan baja emas hitam menggunakan inovasi sistem pintar ini menggunakan campuran yang terdiri daripada 250g sabut kelapa lembap, 300g sisa sayuran dan 20.2g cacing tanah merah yang dimasukkan ke dalam bekas vermikompos. Kain guni digunakan sebagai selimut cacing (worm blanket) bagi memastikan kelembapan yang optimal kekal untuk kesihatan cacing dan proses penguraian yang efektif. Di bawah keadaan optimum dengan kadar kelembapan 76%-95% dan suhu antara 27°C hingga 30°C, cacing ini aktif, sihat dan membiak dengan gembira. Pada hari kelima, didapati hanya berbaki 8g sisa sayuran, dan berat cacing tanah merah meningkat kepada 21.0g.

Baja emas hitam ini kaya dengan nutrien dan mikroorganisma yang baik, memberi manfaat jangka panjang bagi ekosistem dan pertanian lestari yang mengutamakan kelestarian alam sekitar terutama pengurangan sampah serta penghasilan dan penggunaan baja organik. Walaubagaimanapun, baja emas hitam ini hanya boleh dituai selepas dua bulan [4].

Proses penghasilan baja emas hitam (a) Hari pertama; (b) Hari kelima

Projek Inovasi Vermikompos Tenaga Suria menggunakan Cacing Tanah Merah Eisenia Fetida ini merupakan inovasi sistem pintar dan mesra alam menggabungkan teknologi tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan pertanian lestari, yang mampu memproses sisa sayuran secara cekap bagi menghasilkan baja emas hitam organik berkualiti tinggi. Inisiatif ini membawa impak positif yang besar terhadap alam sekitar, kesihatan tanah, dan kesedaran masyarakat tentang kitar semula. Hanya bermodalkan sisa sayuran, cacing tanah merah dan tenaga matahari, kita boleh menjadi ejen pertanian Lestari yang bermula dari laman rumah sendiri.

Rujukan:

[1] Aqilah Abd Halim, Sumaiya Mashori, Muhammad Shahin Sharuddin and Mohamad Helmee Mohd Yusof (2024). Solar Powered Vermicompost Bin with Eisenia Fetida Earthworms (ID365). In Nurmina Abdullah & Hafsa Mohammad Noor (Eds.), Development, Research & Innovation Series 17, Bridging Boarders: Global Innovations for Sustainable Development (pp. 14-19). UTHM.

[2] W. Yimyam, M. Ketcham, T. Ganokratanaa, P. Pramkeaw and N. Chumuang, "Smart Agricultural Greenhouses for Earthworm Farming," 2023 IEEE International Conference on Cybernetics and Innovations (ICCI), phetchaburi, Thailand, 2023, pp. 1-5, doi: 10.1109/ICCI57424.2023.10112360.

[3] E. Ortega-Torres and R. G. Enrique, "Organic Agroindustrial Waste Transformation into Vermicompost," 2021 XVII International Engineering Congress (CONIIN), Queretaro, Mexico, 2021, pp. 1-6, doi: 10.1109/CONIIN54356.2021.9634719.

[4] Intan Nadhirah Masri, Noor Haslizawati Abu Bakar, Wan Abdullah Wan Yusoff and Mohamed Hafeifi Basir (2016). Penghasilan Vermikompos Menggunakan Bahan Sisa Buangan Pertanian. Buletin Teknologi MARDI, Bil. 10, pp. 29-35.

SETIAP NAFAS ADA CERITA

Amir Haziq bin Abdul Razak
amirhaziq@uthm.edu.my

MENGAPA UDARA TEMPAT KERJA BUKAN SEKADAR ANGIN LALU

Pernah tak bila masuk ke bengkel atau kilang, tiba-tiba kita terhidu bau pelik macam cat, logam panas, atau bau yang **'tajam'** menusuk hidung?

Biasanya kita cuma kata, **"Ada bau sikit-sikit... biasalah tu."**

Tapi pernah tak kita terfikir... **apa sebenarnya yang kita hidu setiap hari di tempat kerja?** Adakah udara itu selamat, atau sebenarnya mengandungi bahan kimia yang boleh memudaratkan kesihatan tanpa kita sedar?

Tak Nampak, Tapi Ada

Ramai antara kita bekerja di tempat yang mengandungi **bahan kimia bawaan udara** seperti **wap pelarut, asap kimpalan, habuk halus,** atau **gas toksik.** Semua ini tak dapat dilihat dengan mata kasar.



Tapi sebenarnya kita sedut masuk setiap hari.

Zarah-zarah halus ini boleh masuk jauh ke dalam paru-paru dan masuk ke dalam sistem darah. Ada yang akan dikeluarkan oleh tubuh, tapi ada juga yang **terkumpul secara senyap dan perlahan-lahan memberi kesan jangka panjang.**

Bila Deria Kita Hilang Amaran

Pernah tak kita dengar orang kata, **"Dah biasa dah bau ni. Tak rasa apa pun."**

Itu bukan tanda kita tahan, tapi tanda kita mungkin dah **hilang sensitiviti deria bau.** Ia berlaku apabila kita **terdedah terlalu lama** kepada bahan kimia tertentu.

Ada sesetengah bahan seperti **karbon monoksida,** memang tiada bau langsung. Tapi ia boleh menyebabkan pening, sesak nafas, dan dalam kes yang serius, pengsan atau maut.

Sedikit Istilah Yang Penting Kita Tahu

Kita tak perlu jadi pakar keselamatan, tapi kita patut tahu apa yang kita hidu melalui beberapa istilah penting:

- **Pendedahan kimia**: Keadaan apabila kita terhidu, tersentuh, atau termakan bahan kimia secara langsung atau tidak langsung.
- **Penilaian Risiko Kesihatan Kimia (CHRA)**: Kajian yang wajib dilakukan oleh majikan untuk kenal pasti risiko bahan kimia di tempat kerja.
- **Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (Hazardous Chemicals to Health)**: Termasuk pelarut, logam berat, gas toksik, dan habuk seperti silika.
- **Alat Pelindung Diri (PPE)**: Topeng pernafasan, sarung tangan, pakaian khas yang direka untuk mengurangkan pendedahan kepada bahan berbahaya.

Jadi, Apa Kita Boleh Buat?

Kita bukan saintis makmal, tapi kita masih boleh buat sesuatu:

- **Kenal pasti** bau atau keadaan yang luar biasa di tempat kerja.
- **Laporkan** kepada penyelia jika rasa pening, loya, atau sukar bernafas.
- **Gunakan PPE dengan betul** seperti topeng habuk N95, penutup muka, atau sistem ventilasi yang baik.
- **Tanya dan minta maklumat:** Majikan wajib berkongsi maklumat keselamatan melalui **SDS (Safety Data Sheet)** dan latihan berkala

Nafas Kita, Tanggungjawab Kita

Udara yang kita hidu setiap hari akan jadi sebahagian daripada kita. Kita tak boleh "pilih" udara di tempat kerja, tapi **kita boleh pilih untuk ambil tahu dan lindungi diri.**

Jangan biarkan benda yang kita tak nampak menjadi sebab kesihatan kita merosot nanti.

Penutup

"Kalau saya tahu dulu, saya akan lebih berhati-hati..."

Itu ayat yang kita tak mahu sebut kemudian hari.

Jadi hari ini, sedut nafas perlahan-lahan. Rasai udara di sekeliling. Tanya diri:
"Adakah udara tempat kerja saya benar-benar selamat?"

Kalau anda tak pasti, anda berhak untuk bertanya. Sebab **keselamatan dan kesihatan pekerjaan bukan isu teknikal semata-mata, ia isu manusia, dan isu kehidupan.**

"Apa yang kita tidak nampak atau tidak hidu, tidak bermakna ia tidak berbahaya."

Rujukan

Kim, K. H., Kabir, E., & Jahan, S. A. (2017). Exposure to volatile organic compounds and health risk assessment: A review. Environmental International, 106, 234–245.

Pronk, A., Coble, J., Stewart, P. A., & Halperin, W. E. (2009). Exposure to hazardous air pollutants in the U.S. construction industry. American Journal of Industrial Medicine, 52(11), 919–930.

Basinas, I., Sigsgaard, T., Heederik, D., Holtung, L., Krop, E., & Van Tongeren, M. (2013). Exposure-response analysis of airway disease symptoms and lung function in relation to airborne exposure to organic dust and endotoxin among agricultural workers. Occupational and Environmental Medicine, 70(1), 29-35.

Zhang, L., & Chen, W. (2020). Assessment and control of occupational airborne exposures in the workplace: Current research status and future directions. Science of The Total Environment, 715, 136962.

Hämäläinen, M., Lanoie, P., & Lehtimäki, K. (2019). Effectiveness of respiratory protective equipment on airborne exposure to hazardous substances at workplaces: A systematic review. Journal of Occupational Health, 61(2), 138–147.

Wallace, L. A., & Ott, W. R. (2011). Personal exposure to ultrafine particles: A review of exposure assessment studies and health effects. Science of The Total Environment, 409(12), 2431-2439.

MENGHIDUPKAN WARISAN MELALUI TEKNOLOGI: PAMERAN VIRTUAL

Mohd Noor Hasman Mohd Tumari
Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

1. PENGENALAN

Gambus merupakan salah satu alat muzik tradisional yang mempunyai sejarah panjang dalam perkembangan budaya di rantau ini. Berasal dari Timur Tengah dan dibawa masuk melalui jaringan perdagangan serta penyebaran Islam, gambus akhirnya berakar dalam masyarakat Melayu, khususnya di Johor. Bagi masyarakat Johor, gambus bukan sekadar alat muzik iringan, tetapi juga lambang identiti budaya yang mencerminkan nilai seni, semangat dan sosial. Ia sering dimainkan dalam majlis keramaian, persembahan zapin, serta menjadi sebahagian daripada naratif sejarah negeri. Penganjuran karnival atau pameran gambus secara fizikal adalah antara cara dalam mengekalkan dan membudayakan element ini dalam masyarakat di Malaysia.

Gambar 1: Pameran Gambus secara fizikal

2. PERYATAAN MASALAH

Namun, seperti banyak seni tradisional lain, gambus berdepan cabaran kelestarian apabila generasi muda semakin jauh daripada warisan budaya mereka. Di sinilah perpustakaan memainkan peranan penting. Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), tampil bukan hanya sebagai pusat ilmu, tetapi juga sebagai penjaga khazanah warisan. Dengan menganjurkan Pameran Virtual Gambus Johor, PTTA mampu menghubungkan semula pelajar dan masyarakat dengan warisan muzik ini melalui medium digital yang lebih dekat dengan gaya hidup semasa.

3. METODOLOGI

Pameran Virtual Gambus ini dibangunkan melalui integrasi teknologi digital interaktif yang membolehkan pengguna meneroka keseluruhan seksyen galeri secara maya. Antara ciri utama ialah paparan informasi koleksi gambus, tontonan video eksklusif, serta penggunaan Aplikasi AR-Galeri PTTA yang boleh diakses melalui peranti digital. Selain itu, elemen interaktif seperti lawatan maya 360° dan sokongan AR digunakan bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam. Kaedah ini bukan sahaja memperkayakan persembahan maklumat tentang gambus, tetapi juga memastikan pameran lebih mudah dicapai oleh semua pengguna. Capaian boleh di buat di https://ptta.uthm.edu.my/gambus-ptta.html

Gambar 2: Pameran Gambus secara virtual

4. DAPATAN KAJIAN

- Akses yang lebih luas.

Pelajar dan masyarakat dapat mengakses pameran ini tanpa had lokasi atau masa, sama ada untuk tujuan akademik, penyelidikan atau sekadar minat umum.

- Peningkatan interaksi pengguna.

Elemen AR, VR, lawatan maya 360° dan video eksklusif menjadikan pengalaman lebih menarik berbanding pameran fizikal yang terhad. Pengguna bukan sekadar membaca, tetapi turut meneroka dan berinteraksi dengan koleksi gambus.

- Menarik minat generasi muda.

Pendekatan digital yang lebih “immersive” berjaya menjadikan seni tradisional ini lebih dekat dengan gaya hidup generasi muda, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap warisan budaya Johor.

- Pemeliharaan warisan secara berterusan.

Dokumentasi digital memastikan koleksi dan maklumat tentang gambus dapat disimpan, dikongsi, dan digunakan untuk rujukan masa hadapan walaupun pameran fizikal telah tamat.

5. KESIMPULAN

Pameran Virtual Gambus yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM membuktikan bahawa teknologi digital mampu menghidupkan semula warisan budaya dalam bentuk yang lebih segar dan mudah diakses. Melalui aplikasi interaktif seperti AR dan lawatan maya, masyarakat dapat mengenali gambus secara lebih dekat tanpa terikat kepada masa dan tempat. Inisiatif ini mengatasi kekangan pameran fizikal, di samping mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu yang inovatif dan pemelihara warisan budaya untuk generasi akan datang.

Gambar 3: Pelancaran Pameran Virtual di Gema Budaya Festival 2025

RUJUKAN

Gambus: Sejarah, Instrumentasi Dan Gaya Permainan di Johor · RICHER. (n.d.). RICHER. https://richer.uthm.edu.my/collections/show/2

Pameran gambus Di Gema Budaya festival 2025 angkat warisan muzik tradisional Melayu. (n.d.). Berita UTHM – News Portal. https://news.uthm.edu.my/ms/2025/07/pameran-gambus-di-gema-budaya-festival-2025-angkat-warisan-muzik-tradisional-melayu/

Galeri Gambus Johor. Tunku Tun Aminah Library, UTHM. https://ptta.uthm.edu.my/gambus-ptta.html

Virtual tour @ Galeri Gambus Johor · Pameran Gambus@PTTA · RICHER. (n.d.). RICHER. https://richer.uthm.edu.my/exhibits/show/pameran-gambus-ptta/virtual-tour-gambus